

**UNSUR KEINDAHAN BAHASA YANG TERDAPAT DALAM
LIRIK LAGU FILEM PUTERI GUNUNG LEDANG:
ANALISIS BERSANDARKAN TEORI STILISTIK**

SYAIDATUL BINTI MOHAMED TAIB

UNIVERSITI
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN
MALAYSIA
2024
KELANTAN



Universiti Malaysia
KELANTAN

**UNSUR KEINDAHAN BAHASA YANG TERDAPAT DALAM
LIRIK LAGU FILEM PUTERI GUNUNG LEDANG:
ANALISIS BERSANDARKAN TEORI STILISTIK**

SYAIDATUL BINTI MOHAMED TAIB

C20A1474

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN ADALAH UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2024

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah sarjana kepada mana-mana Universiti atau Institusi.

- TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskhah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).
- SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972).
- TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan).

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Disahkan oleh:

Syaidatul

Tandatangan

Nama Pelajar : Syaidatul Binti Mohd Taib

Tarikh : 12 Februari 2024

No. Kad Pengenalan: 000510 – 06 - 0768

Tandatangan Penyelia

Nama: Dr.Afidatul Syazwani Bt Afandi

Tarikh: 18 Februari 2024

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera, syukur Alhamdulillah kepada Allah SWT kerana dengan izinnya saya dapat menyiapkan tesis ini dengan jaya meskipun pelbagai dugaan telah ditempuhi.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pensyarah bimbingan yang saya sayangi iaitu Dr.Afidatul Syazwani Binti Afandi di atas kesabaran, sokongan dan juga bimbingan yang diberikan yang banyak membantu saya mencapai kejayaan untuk menghasilkan tesis ini. Segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan akan saya ingati dan jadinya sebagai pedoman dalam hidup saya. Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk menyambung pengajian di univesiti ini. Terima kasih juga kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan kerana telah memberikan sokongan penuh ketika penyelidikan ini dijalankan dan memudahkan proses pengumpulan data. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada ibu saya kerana telah memberikan sokongan kewangan dan juga nasihat untuk menyempurnakan tesis ini dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya hargai sepanjang hayat saya.

Akhir kata, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang banyak membantu dalam menyiapkan tugas ini dan terima kasih juga saya ucapkan kepada yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan, cadangan dan juga nasihat ketika menyiapkan tugas ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan sebagai wadah ilmu yang berguna untuk generasi muda dan pengkaji pada masa akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGESAHAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI RAJAH	vi
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
BAB 1 : PENDAHULUAN	
1.0 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Objektif Kajian	10
1.5 Persoalan Kajian	10
1.6 Skop dan Batasan Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.7.1 Individu	12
1.7.2 Masyarakat	12
1.7.3 Institusi	13
1.7.4 Negara	13
1.8 Definisi Operasional	14
1.8.1 Keindahan	14
1.8.2 Lirik Lagu	15
1.8.3 Bahasa	17
1.9 Organisasi Bab	19

1.10 Rumusan	20
BAB 2 : KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	22
2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Unsur Keindahan Bahasa	22
2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Lirik Lagu	27
2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Filem	30
2.5 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Stilistik	34
2.6 Rumusan	37
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	39
3.3 Kaedah Kajian	41
3.3.1 Kepustakaan	41
3.3.2 Pemerhatian	41
3.4 Proses Pengumpulan Data	42
3.4.1 Kepustakaan	43
3.4.2 Pemerhatian Filem	44
3.5 Kaedah Analisis Data	45
3.5.1 Kaedah Analisis Tekstual	45
3.5.2 Kaedah Analisis Teoritikal	46
3.6 Instrumen Kajian	47
3.7 Rumusan	48

BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	49
4.2 Unsur Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu Filem Puteri Gunung Ledang	49
4.2.1 Keindahan lirik lagu Asmaradana	50
4.2.2 Keindahan lirik lagu Bagaikan Sakti	53
4.2.3 Keindahan lirik lagu Keranamu Kekasih	59
4.3 Unsur Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu Filem Puteri Gunung Ledang Berdasarkan Teori Stilistik	62
4.3.1 Analisis Prinsip Makna atau Semantik	62
4.4 Kepentingan Unsur Keindahan Bahasa dalam Lirik Lagu Melayu Tradisional yang terdapat dalam Filem Puteri Gunung Ledang	69
4.4.1 Mengalakkan masyarakat untuk membaca karya sastera Melayu tradisional	69
4.4.2 Medium untuk mendidik masyarakat	70
4.4.3 Meluaskan pemahaman untuk menilai karya sastera	71
4.5 Rumusan	72

BAB 5 : KESIMPULAN

5.0 Pengenalan	73
5.1 Hasil Perbincangan	73
5.2 Implikasi Kajian	75
5.2.1 Melestarikan budaya	75
5.2.2 Pembelajaran Mengenai Nilai dan Moral	76
5.2.3 Meningkatkan Penggunaan Bahasa Dalam Bidang Sastera	76
5.2.4 Pengenalan Kepada Generasi Muda	77
5.2.5 Memahami Konteks Emosional	77
5.3 Cadangan	78
5.3.1 Memberi Peluang Kepada Penerbit dan Pengarah Filem	78
5.3.2 Penulisan Lirik Lagu Membentuk Pemikiran Masyarakat	79
5.3.4 Penganjuran Program Kepada Anak Seni	80
5.4 Rumusan	81
Rujukan	82

SENARAI RAJAH

Rajah 3.2.1 Rekabentuk Kajian	40
Rajah 3.4.1 Jadual Proses Pengumpulan Data	42
Rajah 4.3.1.1 Data Analisis Prinsip Makna dan Semantik	63

Unsur Keindahan Bahasa Yang Terdapat Dalam Lirik Lagu Filem Puteri Gunung
Ledang: Analisis Berdasarkan Teori Stilistik.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk menganalisis isu mengenai kepincangan unsur bahasa dalam kalangan generasi muda dan penggunaan bahasa baharu dalam kalangan generasi muda. Kajian ini juga untuk mengenal pasti unsur-unsur keindahan bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang*, mengkaji unsur-unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang* berdasarkan teori stilistik dan menganalisis kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu penggunaan kaedah kepustakaan, filem, dokumentasi dan deskriptif manakala teori yang digunakan adalah teori stilistik. Oleh kerana analisis kajian boleh didapati dalam teks dan filem yang dikesan dalam beberapa ruang yang terdiri daripada pelbagai teks dan jalan cerita yang bersambung, ia akan digunakan untuk mengisi ruang perbincangan. Sumber-sumber ini telah ditemui melalui filem *Puteri Gunung Ledang*. Dapatan kajian ini juga diharapkan agar dapat membantu beberapa pihak untuk memartabatkan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda serta dapat memberikan kesan yang baik dalam lirik lagu yang digunakan oleh setiap penulis. Justeru itu, kajian ini diharap dapat memberi manfaat dan perubahan kepada masyarakat untuk menyampaikan ilmu dan pengajaran dalam kehidupan masyarakat di Malaysia. Kajian ini juga diharapkan agar dapat memartabatkan bahasa kerana ianya juga akan menambahkan ilmu pengetahuan setiap masyarakat melalui penggunaan lirik lagu yang baik.

Kata Kunci : *Unsur Keindahan Bahasa, Kepentingan, Stilistik, Puteri Gunung Ledang.*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Elements of the Beauty of Language in the Song Lyrics of Puteri Gunung Ledang:
Analysis Based on Stylistic Theory.

ABSTRACT

This study is to analyze the issue of language element impairment among the young generation and the use of new language among the young generation. This study is also to identify the elements of the beauty of language conveyed in the lyrics of *Puteri Gunung Ledang* movie songs, examine the elements of language beauty found in the lyrics of Puteri Gunung Ledang movie songs based on stylistic theory and analyze the importance of language beauty elements in Malay song lyrics traditional found in the movie *Puteri Gunung Ledang*. This study uses a qualitative analysis method which is the use of library, film, documentation and descriptive methods while the theory used is stylistic theory. Since the analysis of the study can be found in the texts and films detected in several spaces consisting of various texts and connected storylines, they will be used to fill the space of discussion. These sources have been discovered through the film *Puteri Gunung Ledang*. The findings of this study are also expected to be able to help some parties to dignify the use of language among the younger generation as well as to give a good effect in the lyrics of the songs used by each writer. Therefore, this study is expected to benefit and change the community to convey knowledge and lessons in the life of the community in Malaysia. This study is also expected to dignify the language because it will also increase the knowledge of each community through the use of good song lyrics.

Keywords: *Elements of Language Beauty, Importance, Stylistics, Puteri Gunung.*

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Keindahan mempunyai pelbagai makna. Terdapat pelbagai jenis keindahan yang dapat dirungkapkan melalui bahasa. Sifat keindahan mempunyai maksud yang meluas dan ia juga mempunyai konsep yang halus dan abstrak. Menurut Rogayah A.Hamid & Jumaah Ilias,(2006), keindahan biasanya akan dikaitkan dengan perasaan yang tenang yang akan menghasilkan melalui pancaindera. Namun begitu, konsep keindahan juga tidak juga difokuskan terhadap keindahan pancaindera tetapi ia juga melibatkan keindahan fizikal yang dapat dinikmati melalui akal dan jiwa. Unsur keindahan juga dapat didefinisikan kepada perihal indah, kecantikan dan keelokan yang akan mewujudkan kesenangan. Sifat cantik dan indah juga turut dapat dilafazkan dalam kata dan bahasa selain daripada sifat fizikal dan lahiriah. Keindahan bahasa ini juga sering dikaitkan dengan penghasilan sesebuah karya sastera yang akan memberikan pelbagai manfaat kepada pembaca dan pengkaryanya juga.

Sesebuah karya sastera itu dilihat pada pelbagai aspek keindahan. Menurut Othman Puteh (2000), keindahan dalam sesebuah karya bermaksud memperlihatkan tiga perkara yang terdiri daripada kesan keindahan emosi, pengalaman, imaginasi dan wawasan, memahami dan menghayati keindahan penggunaan gaya bahasa pengarang dalam karya yang dihasilkannya melalui keindahan dan keistimewaan oleh pengkarya itu sendiri. Aspek keindahan bukan sahaja dapat menarik minat masyarakat Melayu tetapi ianya juga turut dapat menarik minat bangsa dan kaum lain untuk mendalami setiap bahasa yang dipertuturkan. Keindahan bahasa ini juga turut meluas di kalangan pelbagai bangsa. Setiap kaum dan bangsa mempunyai keunikan bahasanya yang tersendiri. Penghasilan seni kata yang indah akan meninggalkan

kesan yang baik kepada masyarakat. Sastera dan bahasa tidak dapat lari dari sifat keindahannya.

Hal ini dikatakan demikian kerana, karya sastera yang digunakan amat mementingkan bahasa. Bahasa yang indah dapat mengekalkan tradisi keindahan sesuatu bahasa itu sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat jenis unsur keindahan dalam bahasa. Antaranya ialah penggunaan perlambangan iaitu untuk menerangkan sesuatu benda, keadaan atau peristiwa yang berlaku yang membawa maksud yang lebih mendalam. Filem *Puteri Gunung Ledang* merupakan sebuah filem yang bercorak sejarah epik Malaysia pada tahun 2004 arahan Saw Teong Hin yang ditulis skrip bersama Mamat Khalid. Filem ini merupakan filem yang berunsurkan lagenda Melayu iaitu Puteri Gunung Ledang yang menempatkan di atas Gunung Ledang. Filem ini turut mengisahkan mengenai seorang Sultan Melaka yang mempunyai hasrat untuk meminang Puteri Gunung Ledang. Filem ini turut dibintangi oleh pelakon terkenal yang terdiri daripada M.Nasir , Tiara Jacquelina yang merupakan watak utama, Adlin Aman Ramlie, Rahim Razali , Sofia Jane, Khir Rahman, Sabri Yunus dan Melissa Salla. Filem ini turut dibintangi oleh pelakon dari Indonesia iaitu Alex Komang, Christine Hakim dan Slamet Rahardjo.

Filem *Puteri Gunung Ledang* ini mengisahkan tentang Putera Demak dari Jawa yang menyerang empayar Majapahit. Untuk mengelakkan daripada peperangan tersebut menjadi semakin teruk, Raja Majapahit telah menawarkan Demak untuk berkahwin dengan adiknya. Tanpa pengetahuannya, adiknya telah melarikan diri dan berlayar ke Gunung Ledang bersama kekasihnya Hang Tuah. Filem ini memaparkan kisah mengenai puteri yang merajuk lalu membawa dirinya ke Gunung Ledang dan menanti masa untuk bertemu dengan Hang Tuah yang pernah tiba di Majapahit. Namun begitu, terdapat beberapa halangan yang berlaku di antara Puteri Gunung Ledang dan Hang Tuah apabila abangnya terpaksa mengahwininya dengan Sultan Melaka. Walaubagaimana pun, urusan mengenai peminangan itu sendiri telah

diketahui oleh kekasihnya iaitu Hang Tuah. Namun begitu, Tuan Puteri terpaksa menuruti permintaan Hang Tuah yang sangat taat kepada Sultannya. Tetapi, Tuan Puteri telah menetapkan 7 permintaan syarat untuk dilakukan oleh Sultan sebelum meminangnya. Sultan Mahmud menerima permintaannya itu walaupun bakal meragut nyawa anaknya sendiri. Setelah mengetahui permintaan Tuan Puteri yang berunsurkan darah itu, Sultan Mahmud masih nekad menikahi tuan puteri dan hampir membunuh anaknya sendiri tetapi telah dihalang oleh tuan puteri yang tiba di Istana Melaka. Tuan puteri telah menolak lamaran Sultan dan nekad untuk menetap di Gunung Ledang. Walau bagaimanapun, permintaannya itu telah diperkenan tetapi dengan syarat bahawa tiada siapa dibenarkan izin untuk bertemu dengan Tuan Puteri sesudah waktu Subuh maka mereka akan disumpah mati bermuntahkan darah. Selain itu, kewujudan lirik lagu juga dapat memberikan pelbagai makna kepada pendengar melalui suasana yang diikuti dengan nada irama lagu tersebut.

Lagu juga merupakan suatu manifestasi sastera yang mencerminkan nilai kebudayaan masyarakat yang menyokongnya. Menurut Mohd Kassim Ismail (2004), lagu merupakan salah satu alternatif bagi pendengar untuk menghayati sesebuah realiti kehidupan malah pendengar juga akan turut berimajinasi dalam menghayati lirik yang dicipta oleh penulis manakala pengaplikasian teori stilistik dalam lirik lagu menjadikan penggunaan gaya bahasa bagi sesebuah lirik lagu itu lebih menarik perhatian khalayak. Sebagai contoh, lagu filem Sumpahan Orang Minyak yang menggunakan lagu untuk menyeru kedatangan bunian dimana ianya dapat mempengaruhi sesuatu perkara melalui penggunaan lirik lagu. Analisis teori yang digunakan dalam kajian ini adalah teori stilistik.

Sebelum wujudnya stilistik, untuk menganalisis karya sastera biasanya akan menggunakan kajian gaya. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan gaya bahasa yang kebiasaannya dipertuturkan itu merupakan gaya. Kebiasaannya ia digunakan untuk menulis dan berkomunikasi. Maka, wujudlah kelainan kerana ianya dapat membezakan gaya yang

tertentu. Stilistik berasal dari Bahasa Inggeris iaitu 'style' yang membawa maksud gaya. Stilistik juga merupakan suatu linguistik dari bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya sastera. Menurut Wellek dan Warren (1990), stilistik merupakan perhatian utama kontras sistem bahasa pada ketika itu. Pengertian stilistik merupakan sesebuah ilmu yang menyelidik bahasa di dalam karya sastera yang bersifat interdisiplin dimana linguistik dan kesusasteraan serta penelitian pada gaya bahasa. Stilistik juga merupakan kajian yang menggunakan teknik penggunaan gaya bahasa.

Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan gaya bahasa yang digunakan sangat berkesan untuk diaplikasikan dalam sesebuah karya yang melibatkan stail atau gaya bahasa. Walau bagaimanapun, stilistik juga dapat mengkaji ciri-ciri linguistik. Kebiasaannya ciri-ciri tersebut ada di dalam kelompok masyarakat yang berbeza. Variasi linguistik ini dapat mewujudkan hubungan yang rapat dengan disiplin sosiolinguistik dan dialektologi. Stilistik juga menggunakan penggunaan bahasa yang menyimpang daripada norma tatabahasa, pengulangan kata dan meminjam. Stilistik juga melihat kajian dari segi bahasa kreatif seperti fonologi, morfologi dan sintaksis. Menurut Kridalaksana (1982), stilistik merupakan ilmu yang menyelidik bahasa yang akan digunakan dalam karya sastera. Sebagai contoh, penggunaan ilmu interdisiplin antara linguistik dan kesusasteraan atau penerapan linguistik pada penelitian gaya bahasa.

Selain itu, pengkaji telah memilih beberapa jenis buah lagu yang terdapat di dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Antaranya adalah, lirik lagu Asmaradana dimana ia merupakan lagu yang dinyanyikan oleh Tiara Jacquelina dan dikeluarkan pada tahun 2004 serta dijadikan sebagai lagu tema dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Selain itu, lagu ini turut dipersembahkan ketika Anugerah Industri Muzik ke-12 pada tahun 2005. Selain itu, pengkaji turut memilih beberapa lirik lagu lain yang akan menjadi sokongan untuk kajian ini. Pengkaji telah memilih beberapa lagu yang bergenre balada, tradisional dan sebagainya melalui lirik-lirik lagu dalam

filem *Puteri Gunung Ledang*. Kesimpulannya, konsep keindahan tidak difokuskan terhadap keindahan pancaindera tetapi ia juga melibatkan keindahan fizikal yang dapat dinikmati melalui akal dan jiwa. Sepertimana yang diketahui, unsur keindahan dapat didefinisikan kepada perihal indah, kecantikan dan keelokan yang akan mewujudkan kesenangan.

Keindahan bahasa ini juga sering dikaitkan dengan penghasilan sesebuah karya sastera yang akan memberikan pelbagai manfaat kepada pembaca dan pengkaryanya juga. Menurut Othman Puteh (2000), keindahan dalam sesebuah karya bermaksud memperlihatkan tiga perkara yang terdiri daripada kesan keindahan emosi, pengalaman, imaginasi dan wawasan, memahami dan menghayati keindahan penggunaan gaya bahasa pengarang dalam karya yang dihasilkannya melalui keindahan dan keistimewaan oleh pengkarya itu sendiri. Justeru itu, penggunaan bahasa yang indah dalam lirik lagu merupakan perkara yang penting. Lirik lagu merupakan sebuah ekspresi seseorang dari dalam batinnya mengenai sesuatu hal yang baik untuk dilihat dan didengar mahupun dialami.

Menurut Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria (2007), lirik lagu merupakan suatu bentuk komunikasi melalui penyampaian muzik atau syair. Ia juga merupakan satu platform kepada masyarakat untuk mendengar media secara jelas dan mudah. Jelaslah bahawa, penghasilan lirik lagu sangat berkesan sebagai media hiburan dan dalam masa yang sama menyampaikan maksud yang tersirat. Walaubagaimana, dapat dirumuskan bahawa penggunaan teori stilistik dapat mewujudkan kelainan dalam penggunaan gaya bahasa yang dipertuturkan. Stilistik merupakan suatu linguistik dari bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya sastera. Menurut Wellek dan Warren (1990), stilistik merupakan perhatian utama kontras sistem bahasa. Ia juga merupakan ilmu yang menyelidik bahasa di dalam karya sastera yang bersifat interdisiplin dimana linguistik dan kesusasteraan serta penelitian pada gaya bahasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini berkaitan dengan kepincangan unsur bahasa dalam kalangan generasi muda dan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda. Penggunaan lirik lagu akan membawa kesan ke dalam diri setiap masyarakat terutama di zaman yang berteknologi tinggi kini. Oleh itu, menurut Noor Aida (2014), penggunaan media massa yang kian meluas telah menjejaskan penggunaan bahasa. Justeru itu kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti unsur keindahan bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang*, mengkaji unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang* berdasarkan teori stilistik serta menganalisis kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Berpandukan hasil sorotan kajian mendapati tajuk ini kurang dianalisis kerana ianya berkait dengan unsur keindahan bahasa di dalam filem *Puteri Gunung Ledang*.

Filem ini merupakan filem adaptasi yang ditontonkan di televisyen dan kemudiannya telah di filemkan. Adaptasi filem *Puteri Gunung Ledang* ini telah diambil daripada adaptasi cerita dongeng, mitos dan sebagainya untuk difilemkan. Cerita mitos merupakan cerita pada zaman dahulu yang dianggap sebagai kisah benar. Cerita ini juga merupakan sebuah cerita lagenda yang berkait dengan kisahkisah yang bersejarah. Kisah Puteri Gunung Ledang merupakan sebuah cerita tradisional yang menceritakan tentang tokoh, kesucian, makhluk luar biasa, fenomena alam yang biasanya dikaitkan dengan keajaiban, kesaktian dan keistimeewaan para tokoh. Menurut Hooykaas (1965), lagenda merupakan sebuah cerita yang menceritakan tentang sejarah, yang mengandungi keajaiban kerana kesaktian tokoh dalam cerita tersebut.

Filem ini berlatar belakangkan kehidupan masyarakat istana dan penggunaan bahasa istana sebagai bahasa utama di dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Kajian ini juga dibuat agar masyarakat masa kini lebih mengetahui mengenai penggunaan bahasa istana berbanding bahasa melayu moden. Menurut Prof Emeritus Dato' Asamah Haji Omar (2016), bahasa Diraja atau lebih dikenali sebagai bahasa istana merupakan bahasa yang digunakan dalam perhubungan perbahasan apabila sekurang-kurangnya salah satu pihak terdiri daripada keluarga diraja. Hasil kajian ini mendapati bahawa telah mengetahui mengenai penggunaan bahasa yang terdapat di dalam filem. Selain itu, kajian ini mengkaji unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik filem *Puteri Gunung Ledang*. Menurut Habsah Hassan (2016), nilai estetik sesuatu karya boleh diukur melalui pemilihan seni kata serta keindahan bahasa yang digunakan dan karya seni yang baik dilakukan melalui intuisi dan bukan berlandaskan kata-kata. Setiap lagu yang dicipta seharusnya mengandungi mesej tersirat yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pendengar.

Penggunaan bahasa dalam lirik lagu boleh menyentuh keindahan berbahasa dalam lirik lagu tanpa memerlukan penggunaan bahasa secara terus. Namun demikian, penyelidikan terhadap penggunaan bahasa kurang mendapat tempat dalam kalangan sarjana lepas. Oleh yang demikian, penyelidikan yang mendalam terhadap penggunaan bahasa dalam lirik lagu perlulah dikaji dengan lebih teliti.

1.3 Pernyataan Masalah

Secara umumnya, bahasa merupakan perkara yang penting dalam kehidupan setiap masyarakat. Penggunaan bahasa merupakan salah satu alternatif kepada masyarakat sebagai alat untuk berkomunikasi. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu juga telah membawa banyak kesan ke dalam diri setiap masyarakat. Walau bagaimanapun, menurut Noor Aida (2014), penggunaan media massa kini turut dapat menjejaskan penggunaan bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Hidayah (2019), penggunaan bahasa yang digunakan pada zaman kini adalah lebih ringkas dan tidak lagi menggunakan bahasa Melayu dengan betul.

Penggunaan bahasa Melayu yang betul akan menjadikan bahasa itu kelihatan lebih indah. Sememangnya, penggunaan bahasa merupakan perkara yang sangat penting dan memberikan kesan kepada pembaca atau khalayak. Justeru itu, kajian ini adalah penting untuk dilaksanakan kerana kajian ini mengangkat penggunaan bahasa. Oleh itu, lagu yang demikian akan dapat menyampaikan mesej yang berkesan selain dapat menghiburkan masyarakat. Dengan itu, pengkaji akan membuat kajian mengenai unsur keindahan bahasa yang terdapat dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang*. Berdasarkan pemilihan pengkaji, didapati bahawa terdapat banyak lirik lagu di dalam filem *Puteri Gunung Ledang* yang mempunyai unsur-unsur keindahan bahasa.

Selain itu, pengkaji turut mengkaji dan meneliti penggunaan bahasa. Pengkaji akan mengkaji isu mengenai kepincangan unsur bahasa dalam kalangan generasi muda. Pengkaji juga akan menganalisis permasalahan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda. Pengkaji turut akan meneliti penggunaan bahasa dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang* yang memberikan pelbagai makna dan bahasa yang digunakan dalam lirik-lirik lagu tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap bahasa dan kata yang digunakan dalam lirik-lirik

lagu tersebut telah menjadi perhatian kepada setiap masyarakat yang mendengar serta menonton filem tersebut. Menurut Blacking (1995), lagu merupakan suatu bunyi yang dihasilkan melalui proses sosial dan kognitif masyarakat.

Hal ini dikatakan demikian kerana, filem *Puteri Gunung Ledang* ini banyak menggunakan bahasa-bahasa istana. Berdasarkan perincian kandungan bahasa didalam lirik-lirik lagu di dalam filem tersebut, ianya telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji untuk mengenalpasti unsur bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem *Puteri Gunung Ledang*, menganalisis unsur keindahan bahasa di dalam lirik filem tersebut dan menganalisis kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem *Puteri Gunung Ledang*.

1.4 Objektif Kajian

Tujuan utama yang menyebabkan pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk memenuhi objektif-objektif berikut:

1.4.1 Mengenalpasti unsur - unsur keindahan bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang.

1.4.2 Mengkaji unsur - unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang berdasarkan teori stilistik.

1.4.3 Menganalisis kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang.

1.5 Persoalan Kajian

Beberapa persoalan telah menjadi tanda tanya melalui kajian pengkaji. Antaranya ialah

1.5.1 Apakah unsur- unsur keindahan bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang?

1.5.2 Apakah unsur - unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang berdasarkan teori stilistik?

1.5.3 Apakah kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang ?

1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Skop dan batasan kajian kepada penggunaan bahasa di dalam lirik-lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang. Pengkaji telah menjalankan kajian berdasarkan penggunaan bahasa Melayu di dalam lagu Melayu tradisional. Lagu-lagu yang dipilih bagi kajian ini adalah lagu-lagu tradisional yang memberikan pelbagai makna yang tersurat dan tersirat di dalam setiap bait-bait kata di dalam lagu tersebut. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji mempunyai kaitan dengan bidang linguistik. Penggunaan bahasa di dalam lirik lagu tersebut memberikan pelbagai makna yang dilihat dari aspek implikasi yang menjadi fokus kajian pengkaji. Pengkaji juga mengkaji bahasa yang terdapat dalam lirik lagu tersebut dengan menggunakan teori stilistik.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan agar dapat memberikan satu gambaran yang benar mengenai penggunaan bahasa yang boleh mengurangkan isu mengenai kepincangan unsur bahasa dalam kalangan generasi muda dan penggunaan bahasa baharu dalam kalangan generasi muda. Dapatan kajian ini juga diharapkan agar dapat membantu beberapa pihak untuk mengambil langkah dalam memartabatkan penggunaan bahasa dalam kalangan generasi muda serta dapat memberikan kesan yang baik dalam lirik lagu yang digunakan oleh setiap penulis. Kajian ini juga mengkaji keindahan bahasa yang digunakan melalui teori stilistik melalui filem Puteri Gunung Ledang.

1.7.1 Individu

Selain itu, dapatan kajian ini juga diharapkan agar dapat memberikan manfaat kepada setiap individu dalam mengkaji mengenai keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu agar dapat menyampaikan pesanan melalui nyanyian. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa Melayu sangat penting untuk dikuasai agar setiap penggunaan bahasa yang digunakan lebih indah dan mempunyai maksud yang tersirat. Selain itu, diharapkan juga agar masyarakat dapat menerima penggunaan lirik lagu melalui penyampaian yang baik agar ianya terus dapat meningkatkan keindahan penggunaan bahasa di kalangan masyarakat.

1.7.2 Masyarakat

Jika dilihat dari sudut pandangan lain pula, selain dapat memartabatkan bahasa ianya juga dapat menambahkan ilmu pengetahuan setiap masyarakat. Penggunaan bahasa yang digunakan di dalam lirik lagu dapat memberikan kesan yang baik kepada pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana, apabila mereka mengikuti irama lagu, maka mereka akan lebih mudah untuk mendalami dan menghayati sesuatu bahasa itu melalui nada iramanya. Kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui makna sebenar dari segi penggunaan bahasa Melayu dan makna yang tersirat didalam lagu itu sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, manusia sukar untuk memahami sesuatu perkara berbanding dengan penyampaian yang disampaikan secara langsung kepadanya.

1.7.3 Institusi

Walaupun bagaimanapun, diharapkan agar kajian ini dapat memberikan bantuan kepada institusi-institusi dalam merancang strategi penggunaan bahasa Melayu serta dapat membantu pensyarah dengan lebih baik dan berkesan. Menurut Corder (1973), ianya sebagai panduan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Diharapkan agar kajian ini dapat membantu pihak yang berkuasa untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di kalangan remaja agar generasi masa kini lebih mengutamakan kepentingan bahasa.

1.7.4 Negara

Kajian ini juga diharapkan agar dapat memberi manfaat kepada negara dalam bidang industri negara. Menurut Zurinah Hassan (1982), lirik merupakan suatu perkara yang berfungsi untuk menerangkan pengalaman dan maksud yang tersirat di dalam sesebuah lagu yang mempunyai kaitan dengan masyarakat. Muzik merupakan sebuah platform komunikasi yang digunakan oleh penggiat seni di dalam industri. Menurut Moeliono (2003), penulis lirik seharusnya bijak dalam mengolah penggunaan bahasa yang digunakan agar ianya kelihatan lebih indah. Namun demikian, tidak lupa juga kepada badan-badan yang bertanggungjawab seperti Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) yang merupakan agensi kerajaan pusat bagi industri filem Malaysia untuk terus membangun dan mengangkat filem yang berunsurkan sejarah legenda Melayu di Malaysia.

1.8 Definisi Operasional

1.8.1 Keindahan

Keindahan merupakan makna kepada maksud kecantikan dan kesempurnaan. Unsur-unsur keindahan bahasa biasanya akan diaplikasikan untuk menyalurkan pemikiran dan pandangan terhadap sesuatu tema dan persoalan. Keindahan juga merupakan sebahagian daripada pemikiran penulis Melayu sejak zaman dahulu. Menurut Muhammad Haji Salleh (2000) , keindahan ini, walaupun tidak diperikan dalam sebuah risalah yang canggih, tetap wujud dalam contoh-contoh mentah atau halus dalam seluruh karya berbahasa Melayu. Manakala, menurut Hamidah Abdul Hamid (1995), tanggapan mengenai unsur keindahan adalah berbeza kerana setiap objek atau fenomena mempunyai ciri-ciri keindahannya yang tersendiri. Menurut Rogayah A.Hamid & Jumaah Ilias (2006), keindahan biasanya akan dikaitkan dengan perasaan yang tenang yang akan dihasilkan melalui pancaindera. Namun begitu, konsep keindahan juga tidak difokuskan terhadap keindahan pancaindera tetapi ianya melibatkan keindahan fizikal yang dapat dinikmati melalui akal dan jiwa. Unsur keindahan ini juga dapat didefinisikan kepada perihal indah, kecantikan dan keelokan yang akan mewujudkan kesenangan.

Walau bagaimanapun, menurut Othman Puteh (2000), keindahan dalam sesebuah karya bermaksud memperlihatkan tiga perkara yang terdiri daripada kesan keindahan emosi, pengalaman, imaginasi dan wawasan, memahami dan menghayati keindahan penggunaan gaya bahasa pengarang dalam karya yang dihasilkan melalui keindahan dan keistimewaan oleh pengkarya itu sendiri. Aspek keindahan bukan sahaja dapat menarik minat masyarakat Melayu tetapi ianya juga turut dapat menarik minat bangsa dan kaum lain untuk mendalami setiap bahasa yang dipertuturkan. Justeru itu,

penghasilan seni kata yang indah akan meninggalkan kesan yang baik kepada masyarakat.

Kesimpulannya, menurut pandangan Menurut Muhammad Haji Salleh (2000), keindahan ini, walaupun tidak diperikan dalam sebuah risalah yang canggih, tetap wujud dalam contoh-contoh mentah atau halus dalam seluruh karya berbahasa Melayu. Aspek keindahan bahasa ini juga bukan sahaja dapat menarik minat masyarakat Melayu tetapi juga dapat menarik minat bangsa dan kaum lain untuk mendalami setiap bahasa yang dipertuturkan. Penghasilan seni kata yang indah dapat meninggalkan kesan yang baik kepada masyarakat malahan sastera dan bahasa juga tidak dapat dipisahkan dari sifat keindahannya. Justeru itu, penggunaan bahasa yang indah dapat mengekalkan tradisi keindahan bahasa itu sendiri.

1.8.2 Lirik Lagu

Lirik merupakan perkataan yang ada di dalam sesebuah lagu. Lirik boleh digubah sebelum dan selepas terciptanya sesebuah lagu. Menurut Moeliono (2007), dijelaskan bahawa lirik lagu sebagai susunan kepada sesebuah nyanyian. Penggunaan lirik lagu harus digunakan oleh seorang penyair yang pandai dalam mengolah kata-kata. Lirik lagu merupakan hasil dari gabungan seni bahasa dan seni suara, sebagai karya seni suara yang melibatkan warna suara penyanyi dan melodi. Lirik lagu juga merupakan sebuah ekspresi seseorang dari dalam batinnya tentang suatu hal baik yang sudah dilihat, didengar mahupun dialami.

Menurut Nor'aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria (2007), lirik lagu merupakan suatu bentuk komunikasi melalui penyampaian secara unsur muzik atau syair. Lirik lagu merupakan satu penyampaian kepada masyarakat untuk mendengar media secara jelas dan mudah. Melalui lirik lagu juga, pendengar akan lebih mudah

memahami sesuatu pesanan dengan lebih berkesan. Lirik lagu dapat memberikan pelbagai makna kepada pendengar melalui suasana yang diikuti dengan nada irama lagu tersebut. Menurut Mohd Kassim Ismail (2004), lagu merupakan salah satu alternatif untuk pendengar menghayati sesebuah realiti kehidupan atau pendengar juga akan turut berimajinasi menghayati lirik yang dicipta oleh penulis. Kebiasaannya, penulis lagu akan menulis lirik yang mempunyai kaitan dengan dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulis akan lebih mudah untuk memahami jalan cerita dalam mencipta sesebuah lagu untuk didendangkan.

Penghasilan lirik lagu merupakan satu penyampaian yang berkesan untuk menghiburkan dan pada masa yang sama menyampaikan maksud yang tersirat. Menurut Arbai'e Sujud (1999), lirik yang mempunyai susunan yang teratur akan memberikan makna yang jelas untuk disampaikan kepada pendengar. Keindahan lirik yang terdapat dalam lagu akan memberikan makna yang lebih berkesan dan juga membuktikan bahawa sesuatu karya itu indah adalah kerana hasil yang dipersembahkan oleh penulis karya itu sendiri yang membawa nilai estetika dan kualiti yang sangat bagus untuk pendengar. Kesimpulannya, menurut pandangan Moeliono (2007), dapat disimpulkan bahawa lirik lagu merupakan susunan kepada sesebuah nyanyian. Penggunaan lirik lagu harus digunakan oleh seorang penyair yang pandai dalam mengolah kata-kata. Lirik lagu merupakan hasil dari gabungan seni bahasa dan seni suara, sebagai karya seni suara yang melibatkan warna suara penyanyi dan melodi. Penghasilan lirik lagu merupakan satu penyampaian yang berkesan untuk menghiburkan dan pada masa yang sama menyampaikan maksud yang tersirat.

1.8.3 Bahasa

Bahasa merupakan sebuah bunyi melalui komunikasi yang mudah untuk difahami oleh setiap masyarakat. Bahasa dikuasai secara semula jadi atau dipelajari secara formal mahupun tidak formal. Bahasa juga merupakan penghubung untuk meluahkan perasaan, melahirkan idea serta penghubung untuk masyarakat. Menurut Saifulazry Mokhtar (2020), bahasa merupakan medium penting dalam pelaksanaan jaringan komunikasi baik secara lisan mahupun bukan lisan. Bahasa juga merupakan aspek yang penting dalam pengukuran kepada tahap ketamadunan sesebuah bangsa. Identiti sesebuah bangsa dikenali melalui sistem bahasa yang sistematik. Malahan, menurut Mary Fatimah Subet (2017), bukan bidang psikologi sahaja yang mampu mencorakkan emosi individu walhal bidang bahasa dan linguistik yang terdapat dalam karya kesusasteraan mampu mengarah emosi pembaca dalam menggunakan bahasa yang dilontarkan.

Menurut Suwardi (1991), bahasa merupakan pemikiran yang penting. Hal ini disebabkan oleh, penyampaian bahasa yang efektif akan memberikan kesan yang baik kepada setiap masyarakat. Bahasa merupakan sebuah khazanah bahasa yang berkait dengan penggunaan lirik lagu, pantun dan sebagainya. Melalui penggunaan bahasa juga, pengkarya akan mencipta sesuatu perkara yang kreatif dengan menggunakan bahasa yang sesuai untuk mengolah idea mereka. Menurut Philips (1999), pemikiran kreatif adalah sebuah kemahiran untuk berfikir secara kreatif dalam mengolah sesuatu perkara. Menurut Mohd Shukran Ab Majid (2006), bahasa merupakan bagaimana pemilihan pebendaharaan kata digunakan dalam sesuatu karya. Pemilihan perbendaharaan kata yang sesuai akan mempengaruhi minat pembaca untuk membaca sesuatu karya. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa yang sesuai akan dapat mewujudkan kesesuaian bahan hiburan atau pembelajaran.

Justeru itu, menurut pandangan Saifulazry Mokhtar (2020), bahasa merupakan medium yang penting dalam pelaksanaan jaringan komunikasi baik secara lisan mahupun bukan lisan. Bahasa juga merupakan aspek yang penting dalam pengukuran kepada tahap ketamadunan sesebuah bangsa. Identiti sesebuah bangsa dikenali melalui sistem bahasa yang sistematik. Melalui penggunaan bahasa juga, pengkarya akan mencipta sesuatu perkara yang kreatif dengan menggunakan bahasa yang sesuai untuk mengolah idea mereka.



1.9 Organisasi Bab

Pengkaji telah membahagikan kepada lima bab. Pembahagian ini dilakukan agar ianya kelihatan lebih susun dan teratur serta mudah difahami.

Bab Satu

Bab yang pertama merupakan pengenalan kepada tajuk yang telah pengkaji pilih. Bab ini merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, organisasi bab dan rumusan.

Bab Dua

Bab ini pula membincangkan mengenai sorotan kajian lepas daripada pelbagai sumber seperti kajian mengenai unsur keindahan bahasa , pengkajian mengenai teori stilistik dan kesimpulan.

Bab Tiga

Pada bab ini pula, pengkaji akan membicarakan mengenai metodologi kajian yang digunakan untuk melakukan kajian ini. Teknik yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan mengumpul data dari sumber internet. Selain itu, pengkaji juga akan menganalisis lirik-lirik lagu yang terdapat di dalam filem Puteri Gunung Ledang. Teori yang digunakan oleh pengkaji ialah teori stilistik untuk menganalisis dan mendapatkan hasil dapatan kajian.

Bab Empat

Dalam bab ini, pengkaji akan menganalisis kajian melalui pengenalan, unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang, pengkaji turut menganalisis unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang berdasarkan teori stilistik serta mengkaji kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu Tradisional yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang serta diakhiri dengan kesimpulan.

Bab Lima

Bab ini merupakan bab yang terakhir. Bab ini merangkumi kesemua rumusan perbincangan untuk menjawab segala persoalan kajian yang dikaji pengkaji. Di dalam bab ini juga terdapat perbincangan, cadangan, implikasi kajian serta rumusan.

1.10 Rumusan

Fokus kajian terhadap representasi sosial menerusi lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang menunjukkan bahawa teori stilistik sangat relevan untuk digunakan. Kajian ini telah menghuraikan pelbagai idea asas teori stilistik untuk digunakan di dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang. Kajian ini merupakan sesuatu perkara yang baru dan relevan untuk diguna pakai mengikuti perkembangan terkini melalui industri muzik di Malaysia. Justeru itu, penggunaan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu memberikan banyak manfaat kepada penulis serta pendengar. Lirik lagu yang dicipta turut memberikan makna yang tersirat dan tersurat dari sesebuah cerita mahupun pengalaman oleh penulis itu sendiri. Setiap bait-bait kata yang ditulis di dalam sesebuah lirik lagu yang diikuti dengan nada irama yang sesuai akan memberikan pelbagai makna dan perasaan untuk diluahkan melalui lagu. Penggunaan bahasa yang digunakan didalam sesebuah lirik lagu itu juga haruslah menepati peraturan tatabahasa yang sesuai serta bahasa yang sopan.

Oleh itu, sesebuah lirik lagu itu telah diubah dan dicipta mengikut keindahan unsur bahasa yang diterapkan. Justeru itu, pengkaji telah memilih tajuk “ Unsur Keindahan Bahasa Yang Terdapat Dalam Lirik Lagu Filem Puteri Gunung Ledang Berdasarkan Teori Stilistik”. Teori Stilistik merupakan sebuah ilmu yang menyelidik bahasa di dalam karya sastera yang bersifat interdisiplin dimana linguistic dan kesusasteraan serta penelitian pada gaya bahasa. Bahasa yang digunakan dapat juga diaplikasikan melalui lirik lagu. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui lagu, penulis dan pendengar dapat mengekspresikan diri mereka melalui lirik-lirik lagu tersebut. Terdapat pelbagai genre lagu yang boleh dikaji namun pengkaji telah memilih dua jenis genre lagu iaitu pop tradisional dan balada.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan kajian untuk meneliti permasalahan kajian yang sedang dijalankan. Kajian ini juga akan mengambil beberapa kajian daripada kajian lepas untuk mendapatkan sokongan mengenai kajian yang akan dijalankan. Kajian- kajian lepas yang akan dikaji ialah berkaitan dengan unsur keindahan bahasa, tinjauan mengenai lirik lagu, tinjauan mengenai filem Puteri Gunung Ledang serta kajian mengenai penggunaan teori stilistik.

2.2 Tinjauan Literatur Berkaitan Unsur Keindahan Bahasa

Secara umumnya, karya seni merupakan hasil daripada proses imaginasi dan kreatif manusia dalam mengangap keindahan bagi mengerjakan sesuatu. Ianya tidak terhad kepada hasil penulisan sahaja malah meliputi juga seni bina, lukisan, muzik, bahasa dan sebagainya. Menurut Nor Azman Ab.Aziz (2013), menyatakan bahawa estetika juga mempunyai cabang falsafah yang mengandungi pertalian dengan sifat keindahan, seni, rasa, penciptaan dan tanggapan kepada sesebuah keindahan. Sifat keindahan mempunyai maksud yang meluas dan ia juga turut mempunyai konsep yang halus dan abstrak. Menurut Rogayah A.Hamid & Jumaah Ilias (2006), keindahan akan dikaitkan dengan perasaan yang tenang yang akan dihasilkan melalui pancaindera.

Selain itu, menurut Braginsky (1979,2000) dan Muhammad Haji Salleh (1989,2000) menyatakan bahawa keindahan merupakan perkara utama yang menjadi keunggulan bagi kesusasteraan Melayu tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana, keindahan ini diukur melalui nilai keagamaan yang disempurnakan lagi dengan gaya bahasa, teknik, serta deskripsi

melalui penciptaan bagi sesebuah hasil karya. Keindahan bahasa ini terus menjadi sebagai teras penggunaan bagi pengkarya Melayu untuk menilai keindahan dengan budi bahasa dan pekerti. Namun begitu, terdapat juga pandangan dari beberapa pengkarya lain mengenai keindahan dari perspektif barat dan islam. Menurut Sohaimi Abdul Aziz (1998) konsep keindahan barat dibincangkan melalui estetika moden Barat. Perkembangan baharu telah merubah pandangan ahli teori estetik dan bidangnya. Menurutnya lagi, kualiti estetik yang dinyatakan ialah kualiti yang dibaca oleh penonton atau pembaca.

Walau bagaimana pun, menurut Braginsky (1994), menyatakan bahawa konsep keindahan bagi kesusasteraan Melayu adalah melalui makna semantik serta ianya juga bergantung juga kepada makna-makna yang terdapat di dalam sesebuah teks itu sendiri. Keindahan bagi bahasa juga turut bergantung kepada hubungan dengan Islam. Menurutnya juga, terdapat beberapa tokoh yang mempunyai kaitan dengan keindahan seperti Imam Al-Ghazali dan Ibnu Kaldum. Selain itu, menurut Muhammad Haji Salleh (2000), keindahan pada bahasa terletak pada kekuatan bagi sesuatu bahasa yang luas serta padat dalam menyampaikan melalui gaya yang indah. Keindahan bahasa juga boleh dilihat dalam penggunaan pantun, peribahasa, perbilangan, pepatah, serta teksteks yang telah dikarang. Hal ini jelas membuktikan bahawa kebijaksanaan orang Melayu dalam menterjemah bahasa-bahasa yang indah melalui teknik dan gaya mereka yang tersendiri. Walau bagaimanapun, nilai keindahan bahasa itu juga terletak pada pengarang atau pengkarya itu sendiri. Keindahan yang diolah oleh pengkarya akan lebih memberikan sentuhan kepada pembaca untuk memahami jalan cerita dan konteks bagi karya itu.

Ilmu keindahan dalam seni dan alam semesta juga mempunyai kaitan dengan estetik. Menurut Safian (1988), keindahan memmpunyai hubung kait dengan watak, keadaan serta ianya juga bersesuaian dengan kejadian hukum alam dalam mengekalkan hubungannya dengan manusia melalui suasana yang harmoni, murni dan suci. Bagi menggambarkan unsur keindahan

tersebut berlaku, ianya berlaku di dalam karya-karya kesusasteraan hikayat seperti penyusunan prosa berirama atau puisi bebas seperti pantun, seloka dan gurindam. Keindahan dalam puisi bebas lebih menonjolkan apabila unsur estetik dalam karya kesusasteraan yang diperindahkannya lagi dengan penggunaan pantun. Sebagai contoh, didalam Hikayat Marakarma (Inon 1991), telah memerihalkan mengenai kecantikan seorang puteri di dalam puisi tersebut. Di dalam hikayat tersebut jelas menunjukkan bahawa kecantikan seorang puteri telah dibahas oleh penulis melalui penulisannya. Walau bagaimana pun, menurut Braginsky (1998), mendefinisikan pengertian “indah” dengan konsep “ kuasa Tuhan” iaitu kekayaan Allah dan perkara yang indah haruslah diterima melalui kuasa Allah. Menurutnya, hanya Allah yang Maha Kuasa dan mempunyai kebolehan untuk mencipta setiap keindahan yang berlaku di bumi ini.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Ayu Nor Azilah (2003), kajiannya mengenai keindahan yang terdapat di dalam hikayat Isma Yatim. Pengarang telah menggunakan perkataan indah yang berulang-ulang untuk menyelitkan makna indah yang secara tersirat. Hikayat tersebut jelaslah menunjukkan bahawa masyarakat melayu pada zaman dahulu mempunyai konsep keindahan yang luas seperti keindahan pada pemandangan alam, keindahan pada sebuah taman, keindahan pada bukit bakau, gunung nan menghijau dan juga kecantikan puteri-puteri yang mendapat perhatian daripada pengarang. Menurut Bustan al-Salatin (1992), pengarang telah memberikan perhatian terhadap keindahan yang ada pada sebuah taman yang dicipta pada zaman pemerintahan Paduka Seri Sultan Iskandar Thani Alauddin Mughayat Shah.

Justeru itu, pandangan menurut Rogayah A.Hamid & Jumaah Ilias (2006), keindahan akan dikaitkan dengan perasaan yang tenang yang akan dihasilkan melalui pancaindera. Keindahan juga merupakan hasil daripada penelitian gaya bahasa dalam seni sastera melalui bentuk prosa atau puisi. Keindahan melalui pemilihan kata-kata dapat melahirkan pemikiran dan juga emosi penyair kepada suasana persekitarannya. Menurut Paul Valery (1972), dalam penghasilan suatu gubahan yang cantik dan berseni itu terdapat pelbagai unsur yang digunakan. Tanpa penggunaan bahasa yang indah, penyair tidak akan dapat mencipta puisi untuk menyampaikan maksud yang tersirat. Penggunaan gaya bahasa yang dapat menarik minat penyair perlu diberikan tumpuan yang sewajarnya. Seseorang penyair haruslah menjadi lebih kreatif dalam memilih serta menyusun kata-kata yang indah, menarik dan padat.

Disamping itu juga, menurut kajian yang telah dibuat oleh Lutfi Rahmatullah (2017), kajian terhadap pengaruh keindahan bahasa al-Quran Terhadap Perkembangan Sastra Dalam Dunia Islam. Kajian ini adalah kajian mengenai kehadiran al-Quran yang telah mewujudkan pelbagai bentuk peradaban yang kaya dengan pelbagai bahasa melalui pelbagai cara untuk disampaikan kepada muslimin dan muslimat. Kajian ini juga telah mengkaji mengenai sejarah Bahasa Arab sebagai bahasa kitab yang suci. Bahasa merupakan identity yang paling mudah untuk membezakan suatu etnik dengan etnik lain. Masyarakat Arab terkenal dengan bangsa yang memiliki pelbagai bidang bahasa dan sastera berbanding dengan negara lain. Kajian ini juga turut mengkaji mengenai aspek yang berkaitan dengan struktur.

Keindahan bahasa al-Quran dapat dipelajari daripada struktur teksnya yang mempunyai gabungan daripada pelbagai para ahli bahasa. Ahli bahasa juga turut menemukan banyak kajian mengenai linguistik. Sebagai contoh ianya berkaitan dengan struktur sintaksis iaitu “quwaid al-lughah” dan juga mengenai estetik bahasa al-Quran dari struktur morfologi sebagaimana yang ternyata dalam surah al-Baqarah ayat 222. Disamping itu, kajian ini juga adalah mengenai pengaruh keindahan bahasa Al-Quran terhadap perkembangan sastera sejak wujudnya

kehadiran al-Quran yang telah mengalami beberapa fasa pembentukan dan juga fasa kematangan. Al-Quran terbentuk secara struktural dimana aspek kebahasaannya merupakan salah satu daripadanya.

Walau bagaimana pun, menurut kajian yang dibuat oleh Ambarul Fatima (2021), mengenai penggunaan gaya bahasa dalam lirik lagu “ Bertaut” dengan menggunakan kaedah stilistik. Kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan bahasa dan makna yang digunakan dalam lirik lagu dengan menggunakan pendekatan kualitatif . Kajian ini meneliti bahawa keindahan itu bukan lah hanya dilihat daripada diksi yang digunakan tetapi ianya juga dilihat daripada makna yang hendak disampaikan secara baik dan didengari oleh khalayak. Gaya bahasa mempunyai kata, frasa atau klausa yang menjadikan sesebuah ayat menjadi lebih indah. Menurut Wulandari (2015), gaya bahasa merupakan sebuah bait-bait kata yang digunakan supaya setiap baris yang dicipta dapat memiliki daya tarik kepada khalayak .

Manakala, menurut kajian yang dibuat oleh Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad dan Muhammad Zaid Daud (2019), mengenai penggunaan bahasa dalam novel Nasi Kangkang karya Azwar Kamaruzaman. Kajian ini adalah untuk mengkaji fungsi penggunaan aspek diksi dalam novel yang dipilih. Kajian ini dibuat adalah kerana untuk mengkaji penggunaan aspek diksi atau leksikal penggunaan gaya bahasa, leksikal , fonologi dan struktur ayat untuk melihat kepengarangan idea pengarang. Kajian ini juga turut menganalisis kesan penggunaan unsur bahasa dramatik dalam novel. Penggunaan gaya bahasa dan unsur dramatik dapat menimbulkan kesan kepada konteks atau situasi mengenai watak yang terdapat di dalam novel. Kajian ini juga dapat menambah maklumat mengenai penggunaan sastera indie dan penggunaan gaya-gaya bahasa.

2.3 Tinjauan Literatur Berkaitan Lirik Lagu

Dalam usaha untuk mendapatkan dapatan sokongan terhadap analisis yang telah dibuat, pengkaji telah membuat rujukan kepada beberapa bahan pengkarya terdahulu sebagai bahan literatur. Hal ini bertujuan untuk meneliti aspek-aspek untuk difokuskan dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian yang dibuat oleh Masitah Mat daud, Zulkifley Hamid, Nirwarna Sudirman dan Nik Zulaiha Zakaria (2017) adalah untuk menganalisis jenis-jenis makna dan corak pemikiran yang terdapat dalam lirik lagu yang dinyanyikan oleh Dato'Sri Siti Nurhaliza. Penyelidikan ini juga telah menggunakan pendekatan tujuh jenis makna dimana ianya diperkenalkan oleh Geoffrey Leech dan model Six Thinking Hats oleh Edward De Bono. Kajian ini telah mendapati bahawa terdapat beberapa penggunaan makna konotatif, afektif, reflektif, kolokatif dan tematik penggunaan kata 'tajam' dan 'menusuk' dikatakan mempunyai makna yang sama dengan perkataan melukai. Walau bagaimanapun, perkataan 'tajam menusuk' itu juga tidak membawa maksud kecederaan. Maka, disini pengkaji akan mengkaji dengan lebih mendalam bagi perkataan 'menusuk' itu.

Walaupun bagaimanapun, terdapat kajian lain yang dibuat oleh Hartini dan Normaliza (2017) dimana turut menjalankan kajian terhadap lirik lagu. Kajian ini lebih kepada aspek perlambangan kata kerja dalam lirik lagu Let It Go versi Bahasa Melayu yang berjudul Bebaskan. Kajian ini telah menggunakan teori relevans. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan teori ini digunakan adalah untuk menganalisis dan mengenalpasti penggunaan kata kerja dalam lirik lagu ini. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kata kerja bagi 'mengganggu' adalah pemilihan kata untuk menggambarkan sesuatu keadaan di dalam lirik lagu tersebut. Disamping itu, Mohammad Haris Abd.Azis (2016) telah mengkaji aspek pemilihan kata adjektif menerusi lagu patriotik serta elemen muzik yang menjadi latar kepada lagu tersebut.

Kajian ini telah memberikan tumpuan terhadap kekuatan kata dalam menyuntik semangat patriotik dalam kalangan rakyat Malaysia. Penggunaan kata adjektif ini kemudiannya dikelaskan mengikut tema. Nilai patriotisme dapat dikaitkan dengan kekuatan penggunaan kata adjektif. Penggunaan perkataan 'cinta' di dalam lirik lagu patriotik menunjukkan bahawa ia mendominasi cinta kepada negara. Menurut Kamus Dewan (2015), perkataan cinta tersebut membawa maksud kepada sayang akan negara dan kajian ini juga tidak melangkaui lebih jauh dari definisi cinta itu sendiri.

Menurut Habsah Hassan (2016), lirik lagu pada zaman kini lebih ringkas dan mudah kerana ianya merupakan suatu trend yang akan dilakukan oleh setiap penulis lirik mengikut zaman. Pembinaan lirik lagu ini tidak mempunyai nilai estetika. Kebiasaannya, penggunaan lirik lagu yang mengikut zaman semasa ini tidak akan bertahan lama. Penggunaan lirik lagu dan irama penting kerana ianya merupakan sumber utama bagi kekuatan sesuatu karya itu. Menurut Nik Safiah Karim (1994), penggunaan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa yang sesuai dapat menyampaikan pelbagai makna kepada pendengar. Penggunaan bahasa di dalam lirik lagu haruslah disusun dengan rapi agar ianya menimbulkan keindahan di dalam lirik lagu itu sendiri. Penggunaan bahasa yang sesuai untuk lirik lagu bukan sahaja memberikan keindahan kepada lagu itu malahan ianya juga akan memberikan kesan yang positif kepada masyarakat melalui bentuk pemikiran penulis. Seterusnya, kajian yang dibuat oleh Normaliza Abd Rahim (2014), lirik lagu yang baik akan membawa kepada melodi yang menarik. Dengan ini, kualiti peningkatan bagi lirik lagu akan terus meningkat kerana lirik-lirik lagu tersebut akan memberikan nilai yang positif kepada pendengar.

Menurut kajian yang dibuat oleh Zakiah Hanum (1994), kajian yang dibuat adalah berdasarkan lirik lagu Air Mata di Kuala Lumpur. Lirik lagu ini menceritakan jalan hidup seorang anak seni yang mempunyai jatuh bangun dalam dunia seni. Kisah duka yang dialami oleh anak seni tersebut juga dapat dilihat melalui judul lagunya. Judul lagunya sahaja sudah cukup untuk menggambarkan penyampaian mesej suka duka dalam dunia seni. Pelbagai keindahan kata yang telah digunakan dalam lirik lagu untuk menggambarkan kesedihan yang dialami oleh penulis yang menyebabkan airmatanya gugur. Simbolik air mata tersebut menggambarkan penulis berasa sedih. Namun begitu, penulis juga boleh menggambarkan kisah percintaannya melalui lirik lagu. Menurut Zakiah Hanum (1984), penulis menggambarkan seseorang kekasih yang memuji kekasihnya dengan menyatakan mengenai kecantikan kekasihnya. Pengertian kecantikan itu disampaikan melalui lirik lagu Tiada kata Secantik Bahasa .

Hal ini dapat dibuktikan apabila terdapat baris yang mengatakan “untuk kupuji adinda”. Lirik lagu tersebut jelas membuktikan bahawa penulis telah menyatakan rasa kagumnya melihat kecantikan yang ada pada kekasihnya. Justeru itu, makna yang disampaikan melalui lirik lagu itu telah menyatakan pujian melalui penggunaan bahasa yang indah. Kesimpulannya, menurut pandangan Nik Safiah Karim (1994), jelaslah bahawa penggunaan bahasa dalam lirik lagu merupakan perkara yang sangat penting. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa yang sesuai dapat menyampaikan pelbagai makna kepada pendengar. Penggunaan bahasa di dalam lirik lagu haruslah disusun dengan rapi agar ianya menimbulkan keindahan di dalam lirik lagu itu sendiri. Penggunaan bahasa yang sesuai untuk lirik lagu bukan sahaja memberikan keindahan kepada lagu itu malahan ianya juga akan memberikan kesan yang positif kepada masyarakat melalui bentuk pemikiran penulis. Kesannya, lirik lagu juga akan menjadi panduan kepada generasi akan datang untuk

melihat corak kehidupan pada zaman dahulu. Penghasilan lirik lagu yang indah akan dapat diterima secara terbuka oleh masyarakat.

2.4 Tinjauan Literatur Berkaitan Dengan Filem

Menurut Nor Izwani Binti Tahir (2007), telah membuat kajian terhadap sudut adaptasi filem ke teater dalam filem Puteri Gunung Ledang. Kajian ini telah dilakukan bagi mendekati serta melihat perbandingan plot dan gaya lakonan dalam filem tersebut. Perbandingan yang dikaji banyak menyentuh aspek percintaan, dendam, pertempuran dan sebagainya. Kajian ini turut mengaplikasikan teori dan konsep melalui filem Puteri Gunung Ledang. Seterusnya, Taz'irah Nailah Binti Abd.Hadi (2016), kajian ini dilakukan untuk mengkaji jenis makna dalam sari kata filem Puteri Gunung Ledang serta terjemahan makna yang terdapat di dalam filem tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, bidang terjemahan amat penting dalam kehidupan masyarakat. Melalui terjemahan, masyarakat akan mendapat pelbagai maklumat yang tidak dapat dikenalpasti dan lebih mudah untuk difahami jika diterjemahkan. Justeru itu, kajian mengenai lirik lagu ini sendiri boleh diketengahkan serta dikupas dengan menggunakan pendekatan semantik inkuisif. Walau bagaimanapun, di dalam lirik lagu pemilihan leksikal abstrak akan mengatasi dan menjadikan setiap kupasan itu lebih mencabar dan mendalam.

Selain itu, menurut kajian filem yang telah dibuat oleh Fatin Rabiha, Zaitul Azma, Zainon Hamzah (2017), kajian yang bertajuk Ujaran Implisit dalam Filem Melayu Klasik Sri Mersing. Kajian ini dibuat adalah mengenai elemen budaya dan penggunaan bahasa yang indah dalam filem melayu klasik. Filem yang dikaji mempunyai pengetahuan mengenai filem melayu klasik "Sri Mersing" dan ujaran mengenai teori relevans. Filem ini juga turut memberikan mesej yang tertentu kepada khalayak . Menurut Asiah Sarji, Faridah Ibrahim dan Mazni Buyung (1996), filem merupakan karya seni yang memberi kepentingan dan matlamat untuk

disiarkan kepada penonton. Penghasilan filem haruslah mempunyai pengajaran dan mesej yang berguna melalui penggunaan aspek bahasa agar ianya dapat membentuk suatu keindahan kepada karya itu sendiri. Filem Melayu klasik mempunyai makna yang implisit sebagai suatu lambang atau identiti kehalusan, kebijaksanaan dan kesantunan budi bahasa masyarakat Melayu. Pendedahan mengenai elemen makna dalam bahasa filem masih kurang diperlihatkan. Hal ini jelas kerana, masyarakat lebih melihat lakonannya sahaja tanpa memahami jalan cerita yang hendak disampaikan.

Walau bagaimana pun, menurut kajian yang dibuat oleh Mohd Helmi Yusoh, Jamaluddin Aziz (2018), yang membuat kajian terhadap tajuk “Pemeriksaan Watak Wanita Dalam Filem Berunsurkan Islam iaitu Kajian Kes Ketika Cinta Bertasbih”. Kajian ini adalah mengenai isu representasi wanita dalam filem berunsurkan Islam. Penindasan watak wanita dalam filem sering menjadi buah mulut khalayak. Representasi wanita menjadi perhatian adalah kerana watak yang sering dipaparkan sebagai watak yang didominasi oleh watak lelaki. Menurut Nichols (2010), pemerhatian terhadap pelbagai genre filem, watak lelaki merupakan watak yang dominan sepanjang naratif. Pemaparan wanita di dalam filem ini terhad kepada ruang publik dan bukannya persekitaran intelektual. Dalam filem ini dapat dilihat bahawa suara wanita yang tidak didengari serta boleh dikawal melalui peti televisyen oleh lelaki. Justeru itu, dapat dilihat melalui gabungan feminisme dan teori Ilmu Sosial Profetik, tindakan bagi watak wanita dapat difahami dengan lebih khusus.

Menurut kajian mengenai Teknik Pencahayaan Dalam Filem Munafik Mempengaruhi Emosi Penonton yang dibuat oleh Muhammad Naim (2021), kajian ini adalah untuk melihat perfileman yang ada di Malaysia yang kian maju dalam menaikkan bidang perfileman ini. Kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai visual yang akan ditunjukkan kepada masyarakat. Sesuatu filem itu dapat menarik minat masyarakat adalah kerana teknik pencahayaan yang digunakan. Pencahayaan yang menarik akan mampu menarik minat dan emosi masyarakat.

Penggunaan cahaya yang gelap pada sesetengah babak menjadikan suasana filem itu kelihatan lebih seram dan dirasai penonton. Hal ini dapat membuktikan bahawa penggunaan cahaya sangat memainkan peranan penting dalam menjayakan sesuatu filem . Kajian ini juga memberi sepenuhnya tumpuan terhadap analisis filem Munafik (2016), arahan Syamsul Yusof.

Disamping itu, menurut kajian yang dibuat oleh Fauziah Hassan dan Sofia Hayati Yusof (2019), kajian terhadap Membangunkan Tema Filem Berunsur Islam Melalui Filem Bisik Pada Langit. Kajian ini adalah untuk melihat bahawa nilai-nilai Islam dalam media bukan sesuatu perkara yang baru. Kajian ini telah dibuat terhadap filem Bisik Pada Langit untuk menunjukkan bahawa ajaran Islam telah dijelaskan melalui solat, pembacaan al-Quran , menutup aurat , melakukan kebaikan kepada ibu bapa dan sebagainya. Kajian ini telah membuktikan bahawa filem mengenai Islam merupakan sebuah filem yang menjadi kepentingan kepada masyarakat masa kini.

Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya sebagai suatu medium untuk mengangkat martabat Islam dan menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan setiap masyarakat melalui ajaran agama Islam. Kajian ini juga dapat menunjukkan bahawa filem Bisik Pada Langit dapat menyampaikan mesej yang positif kepada rakyat dan dapat menyebarkan dakwah dalam bentuk yang menarik. Teknik penceritaan yang beremosi dapat menarik perhatian khalayak untuk menonton filem ini dan merasai kesedaran serta keinsafan dalam diri mereka.

Menurut kajian yang dibuat oleh Siti Nur Aisyah (2016), yang bertajuk Kajian Semangat Nasionalisme dalam Filem Ola Bola. Kajian ini dibuat adalah mengenai semangat nasionalisme dalam sebuah drama filem sukan hasil garapan Chiu Keng Guan iaitu Ola Bola yang diterbitkan pada tahun 2016. Kajian ini memaparkan semangat nasionalisme yang dibentuk melalui sukan. Filem ini adalah mengisahkan mengenai seorang wartawan yang ditugaskan untuk membuat kajian terhadap pasukan bola sepak tanah air. Oleh itu, kajian ini

dibuat agar dapat melihat unsur-unsur nasionalisme dalam filem Ola Bola (2016), serta dapat menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada nasionalisme dalam filem Ola Bola (2016).

Seterusnya kajian yang dibuat oleh Rosmawati Mohamad Rasit dan Azimah Misrom (2016) mengenai kajian yang bertajuk Analisis Elemen Patuh Syariah Dalam Filem Nur Kasih The Movie (2011) Berdasarkan Teori Filem Ar-Risalah. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji elemen patuh syariah berdasarkan filem yang dipilih. Penghasilan sesebuah filem berkaitan dengan patuh syariah melihat kepada aspek dakwah melalui mesej yang hendak disampaikan. Islam juga turut menitik beratkan kehidupan manusia seperti akidah, syariat, ibadah dan akhlak seperti mana yang ada di dalam filem Nur Kasih The Movie (2011). Kajian ini telah membuktikan bahawa wujudnya masa depan yang cerah dalam mengangkat syariah Islam dalam filem khususnya filem yang mempunyai unsur agama.

Kajian seterusnya adalah kajian yang dibuat oleh Muhd Al Khawarizme (2021) mengenai tajuk Kajian Sosial Didalam Filem “Man Laksa”. Kajian ini dibuat adalah untuk melihat kritikan sosial yang berlaku dalam sesebuah filem. Hal ini dikatakan demikian kerana, filem merupakan cerminan terhadap masyarakat. Filem Man Laksa merupakan sebuah filem bergenre komedi serta mempunyai unsur kritikan sosial yang kuat. Filem ini telah berjaya memaparkan mengenai isu sosial yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat. Kemunculan kritikan sosial melalui filem dapat memberikan keberkesanan kepada masyarakat untuk diambil sebagai pengajaran kepada golongan muda agar tidak mengekori sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat terdahulu.

Menurut kajian oleh Izzat Sharin (2013) mengenai tajuk Keberkesanan Kesan Visual Khas Mewujudkan Elemen Seram di dalam Filem Karak. Kajian ini mengkaji mengenai ciri-ciri kesan khas visual yang terdapat di dalam filem seram serta merungkai keberkesanan kesan khas visual dalam mewujudkan elemen seram di dalam filem seram. Ia juga akan memberikan kesan kepada penerimaan penonton terhadap representasi sesebuah visual. Sesebuah filem perlu mempunyai kesan visual agar ianya menjadi lebih menarik. Keberkesanan visual yang terdapat di dalam filem juga merupakan suatu perkara penting kerana ianya akan menghidupkan suasana dalam filem tersebut serta mudah untuk penonton memahami jalan cerita bagi filem tersebut.

2.5 Tinjauan Literatur Berkaitan Teori Stilistik

Stilistik berasal daripada Bahasa Inggeris iaitu 'style' yang membawa maksud kepada gaya. Stilistik juga merupakan suatu linguistik dari bahasa yang digunakan dalam sesebuah karya sastera. Menurut Wellek dan Warren (1990), stilistik merupakan perhatian utama kontras sistem bahasa pada ketika itu. Pengertian stilistik merupakan sesebuah ilmu yang menyelidik bahasa di dalam karya sastera yang bersifat interdisiplin dimana linguistik dan kesusasteraan serta penelitian pada gaya bahasa. Stilistik juga merupakan kajian yang menggunakan teknik penggunaan gaya bahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan gaya bahasa yang digunakan sangat berkesan untuk diaplikasikan dalam sesebuah karya yang melibatkan stail atau gaya bahasa.

Walau bagaimanapun, stilistik juga dapat mengkaji ciri-ciri linguistik. Kebiasaannya, ciri-ciri tersebut ada di dalam kelompok masyarakat yang berbeza. Variasi linguistik ini dapat mewujudkan hubungan yang rapat dengan disiplin sosiolinguistik dan dialektologi. Stilistik merupakan penggunaan bahasa yang menyimpang dari norma tatabahasa, pengulangan kata

dan meminjam. Stilistik juga melihat kepada kajian dari segi bahasa kreatif seperti fonologi, morfologi dan sintaksis. Menurut Kridalaksana (1982), stilistik merupakan ilmu yang menyelidik bahasa yang akan digunakan dalam karya sastera. Sebagai contoh, penggunaan ilmu interdisiplin antara linguistik dan kesusasteraan atau penerapan linguistik pada penelitian gaya bahasa.

Menurut Nurul Auni Nadhirah Mohd Rashidi (2021), telah menganalisis stilistik dalam himpunan puisi Baharudin Zainal. Kajian ini telah membincangkan mengenai 16 puisi yang terkandung dalam puisi ‘Siang Tak Pernah Mungkir dan Kau Akan Dewasa’ oleh Baharudin Zainal. Kajian ini dibuat adalah untuk menganalisis jenis-jenis makna yang ditemui dalam puisi tersebut. Perkembangan stilistik dalam bidang bahasa merupakan usaha untuk memahami makna sesebuah bagi teks itu sendiri. Justeru itu, stilistik telah diketengahkan untuk mengkaji keseluruhan teks melalui penggunaan bahasa yang akan digunakan. Menerusi kajian ini juga, pengkaji akan menganalisis puisi yang berunsurkan alam. Kajian ini akan membincangkan mengenai penggunaan diksi yang terdapat di dalam teks Baharudin Zainal dengan bersandarkan teori stilistik. Menurut Md Zahril Nizam Md Yusoff, Darwalis Sazan dan Noriah Mohamed (2020), kajian mengenai analisis dalam Teks Melayu “Hikayat Abdullah” bertujuan untuk menganalisis teks yang dikarang oleh Abdullah Munsyi berdasarkan aspek stilistik.

Kajian ini mendapati bahawa Abdullah Munsyi telah mengekalkan penggunaan gaya bahasa untuk mempamerkan makna dan penegasan bagi sesuatu peristiwa. Menurut pandangan Umar Junus (1989), stilistik merupakan suatu perkara yang sering digunakan dalam karya sastera. Stilistik digunakan sebagai gabungan ilmu sastera dan ilmu linguistik Terdapat pelbagai takrifan terhadap stilistik, antaranya stilistik merupakan ilmu interdisiplin linguistik dengan sastera, ianya juga merupakan ilmu mengenai pemakaian bahasa dan gaya bahasa yang digunakan dalam wacana sastera. Selain itu, stilistik juga mengkaji wacana sastera dengan orientasi linguistic. Oleh itu, stilistik berperanan untuk melihat keberkesanan pengarang dalam

mengolah bahasa untuk menerapkan karya kreatif yang bersifat imaginatif dan memiliki unsur estetika yang mampu menekankan aspek penulisan dengan baik.

Menurut kajian yang dibuat oleh Acep Deri, Dedi Koswara dan Ruhaliah (2016), yang bertajuk Kajian Struktural , Stilistika, dan Etnopedagogi dalam Kumpulan Puisi (sajak) Tahun 2000. Kajian ini adalah untuk menganalisis unsur stilistik yang terdapat di dalam kumpulan sajak pada tahun 2000. Struktur sajak merupakan analisis sajak ke dalam unsur-unsur serta fungsi dalam struktur sajak dan penguraian dalam setiap unsur itu yang mempunyai makna yang tersendiri. Penyampaian sesebuah sajak itu seharusnya mempunyai gaya bahasa yang sesuai agar ianya dapat difahami tema, rasa dan nada bagi sajak itu sendiri. Manakala, menurut kajian yang dibuat oleh Fika Tresnawati (2023), yang bertajuk Diksi dan Majas dalam Kumpulan Puisi Tentang Perjuangan Karya Taufik Ismail melalui kajian stilistik. Kajian ini adalah mengenai kekuatan sebuah karya dalam penggunaan gaya bahasa yang sesuai. Stilistik merupakan sebuah pendekatan yang digunakan untuk menemukan fungsi estetik dari karya sastra serta mengapresiasi sastra dan metod bagi menemukan fakta linguistik. Penelitian yang dibuat melalui pendekatan stilistik dapat membandingkan ciri-ciri khas bahasa khusus satu sama lain. Oleh itu, pengkaji dapat mengetahui mengenai penggunaan diksi dan majas dengan menggunakan pendekatan stilistik dalam sesebuah puisi.

2.6 Rumusan

Kesimpulannya, unsur keindahan bahasa dapat diterapkan dalam karya-karya sastera. Keindahan bahasa yang terdapat dalam penggunaan lirik lagu juga memberikan pelbagai makna kepada sesuatu perkara. Penggunaan lirik lagu yang diterapkan di dalam filem Puteri Gunung Ledang mempunyai maksud yang tersirat dan tersurat. Karya yang dihasilkan melalui filem Puteri Gunung Ledang ini juga telah membawa pelbagai unsur realisme kepada masyarakat yang menonton. Penggunaan bahasa dalam bidang sastera tidak dapat lari dari sifat keindahannya. Bahasa yang indah dapat mengekalkan tradisi keindahan bagi sesuatu bahasa itu sendiri. Justeru itu, sifat cantik dan indah ini juga dapat dilafazkan dalam kata dan bahasa selain daripada sifat fizikal dan lahiriah. Fokus kajian terhadap representasi sosial menerusi lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang dapat menunjukkan bahawa teori stilistik sangat relevan untuk digunakan. Setiap bait-bait kata yang ditulis dalam sesebuah lirik lagu yang diikuti dengan nada irama yang sesuai akan memberikan pelbagai makna dan perasaan untuk diluahkan melalui lagu. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa yang digunakan dalam sesebuah lirik itu haruslah menepati penggunaan tatabahasa.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi merupakan salah satu aspek yang perlu diberi penekanan untuk mendapatkan hasil kajian yang baik. Metodologi kajian merupakan kaedah yang digunakan oleh pengkaji melalui rekabentuk kajian, kaedah kajian, proses pengumpulan data, kaedah analisis data dan instrumen kajian. Menurut Koenjaningrrat (1977), metodologi merupakan perkara penting kerana ianya cara untuk bekerja serta memahami objek yang menjadi sasaran penelitian. Manakala, penyelidikan pula bermaksud perkara yang dijalankan untuk mengetahui apa yang berlaku, telah dan akan berlaku. Menurut Tuckman (2000), penyelidikan merupakan suatu usaha yang sistematik dalam mendapatkan jawapan kepada sesuatu permasalahan. Penyelidikan adalah tatacara teratur secara sistematik yang digunakan untuk mengetahui sesuatu perkara dan menambah ilmu pengetahuan.

Kajian ini adalah berbentuk tekstual yang dikaji terhadap filem Puteri Gunung Ledang. Kajian ini turut menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu penggunaan kaedah pustaka, filem, dokumentasi dan deskriptif manakala teori yang digunakan dalam analisis ini adalah teori stilistik. Oleh kerana analisis kajian boleh didapati di dalam teks dan filem yang dikesan dalam beberapa ruang yang terdiri daripada pelbagai teks dan jalan cerita yang sentiasa bersambung dan akan digunakan untuk mengisi ruang perbincangan. Menurut Wellek dan Warren (1990), stilistik merupakan sesebuah ilmu yang menyelidik bahasa di dalam karya sastera yang bersifat interdisiplin dimana linguistik dan kesusasteraan serta penelitian pada gaya bahasa. Pengkaji juga telah memilih beberapa buah lagu untuk dikaji. Antaranya, lagu yang bertajuk Asmaradana oleh Tiara Jacquelina dan Bagaikan Sakti oleh Datuk Sri Siti Nurhaliza dan Dato' M.Nasir dan lain-lain. Lagu-lagu ini telah digunakan melalui album filem


Puteri Gunung Ledang. Lagu Asmaradana oleh Tiara Jacquelina dan beberapa buah lagu lagi merupakan lagu yang bergenre pop tradisional manakala lagu Bagaikan Sakti pula merupakan lagu yang bergenre balada.

3.2 Rekabentuk Kajian

Rekabentuk kajian dicipta agar kajian ini mempunyai hala tuju yang mengikut landasan yang tersusun dan betul. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kualitatif iaitu penggunaan kaedah kepustakaan, filem, dokumentasi dan deskriptif manakala teori yang digunakan dalam analisis ini adalah teori stilistik. Rekabentuk kajian ini juga akan membentuk secara ringkas struktur untuk melakukan kajian ini. Rekabentuk kajian ini juga meneliti objektif kajian untuk menganalisis lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Teori stilistik telah menjadi sokongan untuk membantu kajian ini dijalankan. Pengkaji telah membina sebuah rajah berkaitan dengan rekabentuk kajian.

Rekabentuk terbahagi kepada dua bahagian iaitu proses pengumpulan data dan kaedah analisis data. Proses pengumpulan data terbahagi kepada tiga bahagian iaitu kaedah yang pertama ialah kaedah kepustakaan dimana pengkaji telah meneliti beberapa buah buku untuk dijadikan rujukan seperti Buku Kelopak Pemikiran Melayu, Siti Hawa Haji Salleh (2009) dan Buku Jurnal Bahasa oleh Idris Aman dan Mohamad Fadzeli (2018), kaedah yang kedua ialah kaedah laman sesawang dimana pengkaji telah meneliti laman sesawang Google Scholar, Academia, FINAS dan juga lirik-lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Bagi kaedah ketiga iaitu kaedah pemerhatian, pengkaji telah memerhati filem Puteri Gunung Ledang bagi meneliti lagu yang terdapat di tersebut. Selain itu, bagi kaedah analisis data pula, pengkaji telah menganalisis kaedah tekstual dan kaedah teoritikal. Bagi kaedah analisis tekstual, pengkaji telah meneliti kajian lepas serta jurnal-jurnal yang berkaitan dengan lirik-lirik lagu manakala

bagi kaedah analisis teoritikal pula, pengkaji telah menganalisis teori stilistik untuk mengukuhkan lagi kajian ini.



Rajah 3.2.1 Rekabentuk Kajian

3.3 Kaedah Kajian

Kajian yang dijalankan ini merupakan kajian mengenai unsur keindahan bahasa dijalankan secara kualitatif. Di dalam filem Puteri Gunung Ledang terdapat beberapa lirik lagu yang akan dikaji oleh pengkaji. Selain itu, pembacaan teks dalam filem Puteri Gunung Ledang ini juga akan dilakukan untuk mengetahui inti pati yang terkandung di dalam filem tersebut.

3.3.1 Kepustakaan

Kajian ini sepenuhnya dirujuk di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok. Melalui kaedah ini, ianya merupakan salah satu cara untuk meneliti dengan lebih mendalam mengenai unsur keindahan bahasa melalui bahan-bahan ilmiah yang terdapat di perpustakaan untuk dijadikan sebagai rujukan. Selain itu, bahan rujukan daripada kajian-kajian lepas juga diteliti agar ianya dapat menyokong tajuk kajian dan dijadikan sebagai sumber rujukan. Manakala, penggunaan laman sesawang juga turut dikaji bagi menguatkan lagu hujahan pengkaji. Filem Puteri Gunung Ledang ini berlatarkan masyarakat yang menggunakan bahasa istana telah mewujudkan perkara yang benar berlaku pada zaman dahulu. Penyampaian maksud dan makna bagi sesuatu perkara adalah disampaikan melalui lirik lagu yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang. Lirik lagu yang dicipta adalah sebagai satu maklumat untuk disampaikan secara umum kepada masyarakat.


3.3.2 Pemerhatian

Kajian ini telah dilakukan pemerhatian melalui filem Puteri Gunung Ledang serta lagu-lagu yang terdapat di dalam filem tersebut. Pengkaji akan menggunakan kaedah audio dan visual bagi kajian pemerhatian terhadap lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Melalui pemerhatian yang dilakukan terhadap filem ini, pengkaji dapat mengenal pasti mengenai unsur keindahan bahasa yang terdapat dalam lirik lagu dalam filem tersebut. Jadual dibawah

merupakan proses bagi pengumpulan data yang diguna oleh pengkaji untuk melihat susun atur dengan lebih jelas dan mudah.

3.4 Proses Pengumpulan Data

3.4.1 Jadual Pengumpulan Data



3.4.2 Pengumpulan Data Melalui Kaedah Kepustakaan

Kajian ini telah menggunakan kaedah kepustakaan untuk mencari bahan maklumat yang berkaitan dengan penggunaan keindahan bahasa dalam lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Kaedah kepustakaan digunakan untuk menelaah bahan dan untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan seperti jurnal, artikel dan teks. Menerusi kaedah kepustakaan ini, secara tidak langsung ianya dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan rujukan daripada buku, kamus, bahan ilmiah, tesis para sarjana dan sumber internet. Bahan-bahan kajian ini sepenuhnya dirujuk di perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Bachok. Melalui kaedah ini, ianya merupakan salah satu cara untuk meneliti dengan lebih mendalam mengenai unsur keindahan bahasa melalui bahan-bahan ilmiah yang terdapat di perpustakaan untuk dijadikan sebagai rujukan. Selain itu, bahan rujukan daripada kajian-kajian lepas juga diteliti agar ianya dapat menyokong tajuk kajian dan dijadikan sebagai sumber rujukan.

Berdasarkan tajuk yang dipilih oleh pengkaji, antara bahan-bahan yang akan diperlukan adalah dari segi keindahan bahasa, penggunaan lirik lagu, perfileman dan bahan yang berkaitan dengan teori stilistik. Berkenaan dengan penggunaan bahasa, kajian ini akan meneliti mengenai penggunaan bahasa Melayu tradisional dan bahasa-bahasa istana yang digunakan di dalam lirik lagu. Pengkaji juga turut menggunakan buku daripada perpustakaan untuk dijadikan sebagai bahan rujukan iaitu buku Jurnal Bahasa (2018) oleh Idris Aman dan Mohamad Fadzeli. Justeru itu, pengkaji dapat meneliti dengan lebih mendalam mengenai penggunaan bahasa yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

Disamping itu, pengkaji juga akan mengkaji mengenai kajian lepas agar dapat menyokong tajuk kajian yang dipilih. Ianya akan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji. Tujuan kajian lepas dikaji adalah kerana supaya kajian yang dibuat ini tidak menyamai dengan kajian yang telah dibuat sebelum ini. Kajian lepas yang diambil adalah

berdasarkan kajian yang telah dibuat di dalam negara dan terdapat beberapa kajian luar negara dari Indonesia. Bahan-bahan rujukan yang dicari haruslah mempunyai kaitan dengan tajuk yang diberikan. Antaranya ialah, maklumat-maklumat mengenai penggunaan bahasa istana dan juga lirik lagu didalam filem serta penggunaan teori yang digunakan untuk mengukuhkan lagi maklumat berkaitan dengan tajuk yang telah dipilih. Pengkaji juga turut menjalankan proses pengumpulan data kajian melalui penggunaan laman sesawang atau internet bagi mendapatkan maklumat tambahan. Antara laman sesawang yang sering digunakan ialah Google Scholar, Academia dan FINAS. Setelah membuat pemerhatian, seterusnya pengkaji akan menjadikannya sebagai data maklumat untuk dimasukkan di dalam kajian penyelidik.

3.4.3 Pemerhatian Filem

Terdapat beberapa kajian yang dibuat oleh pengkaji melalui perfileman. Pengkaji telah memilih sebuah filem melalui tajuk yang dipilih. Filem yang dipilih ialah filem Puteri Gunung Ledang. Melalui filem ini, pengkaji dapat mengenal pasti mengenai unsur bahasa yang terdapat dalam lirik lagu dalam filem tersebut. Filem yang dikaji ini sering menjadi sebutan ramai terutama di seminar, institusi dan sekolah perfileman di seluruh dunia. Kekuatan analisis yang dibuat ini merujuk kepada teknik, pemikiran dan penggunaan bahasa istana yang terdapat di dalam lirik lagu di dalam filem Puteri Gunung Ledang.

3.5 Kaedah Analisis Data

Setelah data-data yang dikeluarkan dan dikumpul, seterusnya proses penganalisan data akan dibuat. Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji akan meneliti dengan lebih mendalam berkaitan dengan data dan tajuk yang dipilih.

3.5.1 Kaedah Analisis Teksual

Kaedah ini merupakan salah satu pecahan daripada kaedah pengumpulan data penyelidikan. Kaedah ini diperolehi daripada analisis terhadap huraian objektif yang terdapat dalam filem yang telah disiarkan. Walau bagaimana pun, bahan-bahan yang dirujuk haruslah diperolehi daripada dokumen yang sah. Analisis data melalui kaedah analisis teksual ini dapat memberi maklumat yang relevan dan sah kepada isu dan masalah yang dikaji. Kaedah ini merupakan kaedah yang paling mudah untuk pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyiapkan sesuatu kajian itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap maklumat yang diperolehi merupakan analisis yang dilakukan oleh penyelidik lain juga. Antara dokumen yang digunakan oleh pengkaji untuk membuat analisis ialah, dokumen ilmiah, jurnal dan lain-lain lagi. Pengkaji juga akan menganalisis lirik-lirik lagu yang terdapat di dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Berdasarkan perincian mengenai kandungan bahasa yang terdapat di dalam filem tersebut, ia telah menjadi persoalan kepada pengkaji untuk mengenal pasti unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik-lirik lagu. Hal ini dikatakan demikian kerana, lirik lagu merupakan hasil gabungan seni bahasa dan seni suara, dimana ianya melibatkan suara nyanyian dan juga melodi. Menurut Moeliono (2007), lirik lagu merupakan sebuah susunan lagu untuk menjadikan sebagai sebuah nyanyian lebih memberikan makna.

3.5.2 Kaedah Analisis Teoritikal

Kaedah ini merupakan pengaplikasian teori di dalam proses penelitian yang dilakukan oleh pengkaji. Proses ini sangat bersesuaian dengan tajuk kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kaedah ini digunakan bagi memantapkan lagi kajian yang dilakukan. Teori yang digunakan adalah untuk menjelaskan bagaimana sesuatu kejadian atau fenomena itu terjadi dan mengapa ianya berlaku. Dalam kajian ini, teori stilistik telah diaplikasikan di dalam penelitian terhadap penggunaan bahasa dalam lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Stilistik merupakan sebuah ilmu pengetahuan yang menyelidik bahasa di dalam karya sastera dimana ianya bersifat interdisiplin dan linguistik serta penelitian gaya bahasa bagi kesusasteraan. Menurut Wellek dan Warren (1990), stilistik merupakan perhatian utama kontras sistem bahasa. Oleh itu pengkaji akan menggunakan teori stilistik untuk menghubungkan kaitkan penggunaan bahasa yang terdapat dalam lirik lagu dengan teori tersebut.

Stilistik berasal daripada Bahasa Inggeris yang lebih dikenali sebagai 'style' yang bermaksud gaya. Stilistik juga merupakan sebuah linguistik dari bahasa yang digunakan dalam sesebuah penghasilan karya sastera. Menurut Wellek dan Warren (1990), stilistik merupakan perhatian utama kontras sistem bahasa pada ketika itu. Stilistik juga merupakan kajian yang menggunakan teknik penggunaan pada gaya bahasa. Penggunaan gaya bahasa sangat berkesan untuk diaplikasikan dalam penghasilan bagi sesebuah karya yang melibatkan gaya atau gaya bahasa. Stilistik juga merupakan salah satu penggunaan bahasa yang menyimpang dari norma tatabahasa, pengulangan kata, dan juga meminjam. Stilistik dilihat daripada kajian segi bahasa kreatif seperti fonologi, morfologi dan juga sintaksis. Menurut Kridalaksana (1982), stilistik merupakan ilmu yang menyelidik bahasa untuk digunakan dalam karya sastera.

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah memilih bidang semantik dalam menyampaikan makna kepada khalayak melalui lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang.

3.6 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan salah satu alat yang digunakan oleh pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Kajian ini berfungsi untuk mendapatkan data yang diperlukan bagi memastikan objektif kajian tercapai. Bagi mengumpulkan data untuk objektif yang pertama iaitu mengenalpasti unsur bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang dengan meneliti filem Puteri Gunung Ledang yang terkandung penggunaan lirik lagu didalamnya. Pengkaji juga telah meneliti lagu-lagu yang digunakan dan memilih beberapa buah lagu yang terkandung di dalam filem tersebut.

Bagi objektif pula, pengkaji telah menghubungkaitkan lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang dengan teori stilistik. Berdasarkan teori tersebut, pengkaji dapat mengenalpasti bahasa-bahasa yang digunakan di dalam lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Pengkaji juga telah memilih mengenai pemilihan makna atau semantik yang berada di bawah teori stilistik bagi memudahkan pengkaji untuk mencari makna yang terdapat dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang. Hal ini kerana, prinsip tersebut amat berkait rapat dengan kajian yang dilakukan ini. Selain itu, bagi objektif ketiga pula, pengkaji telah menganalisis kepentingan unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang. Instrumen kajian ini dapat menyokong kajian pengkaji dalam memberikan ilmu pengajaran melalui keindahan bahasa dalam lirik lagu yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang.

3.7 Rumusan

Kesimpulannya, dalam bab ini akan menjelaskan mengenai kaedah kajian yang merupakan perkara penting dalam menganalisis sesebuah kajian. Hasil dapatan kajian yang berkualiti akan memberikan maklumat kajian yang tepat untuk disampaikan kepada masyarakat. Melalui kaedah kajian ini juga, pengkaji akan menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah analisis dokumen, kaedah pemerhatian filem dan kaedah teoritikal. Bab ini juga telah mampu memberikan bimbingan kepada pengkaji dalam melakukan kajian dengan menggunakan rekabentuk kualitatif yang telah dipilih oleh pengkaji. Setiap data yang diberikan merupakan data yang membawa kepada kajian yang berkualiti dan memberikan kesan yang baik kepada pengkaji serta pengkaji lain pada masa akan datang.

BAB 4

ANALISIS KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan secara lebih terperinci tentang dapatan kajian berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Dapatan kajian dibincangkan menurut susunan objektif kajian, iaitu apakah unsur bahasa yang disampaikan dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang, bagaimanakah unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang berdasarkan teori stilistik dan akhir sekali, sejauhmanakah kepentingan unsur bahasa dalam lirik lagu Melayu tradisional yang terdapat dalam filem Puteri Gunung Ledang. Setiap objektif dikemukakan mengikut langkah-langkah berikut, iaitu analisis, rumusan dan perbincangan.

4.2 Unsur Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu Filem Puteri Gunung Ledang

Pengkaji telah menyenaraikan 10 buah lagu yang terdapat di dalam filem Puteri Gunung Ledang. Lagu-lagunya adalah seperti Asmaradana oleh Tiara Jacquelina, Bagaikan Sakti oleh M.Nasir dan Siti Nurhaliza, Keranamu Kekasih oleh Vince Chong, Karma oleh Cokelat, Kasih Tak Sampai oleh Padi, Disisimu oleh Psyklone, Kembalilah Kasih oleh Anuar Zain, Januari oleh Glenn Fredly, Sendiri oleh Psyklone, Mungkin oleh Anuar Zain. Namun, hanya 3 buah lagu yang akan dipilih berdasarkan lagu yang mempunyai kaitan dengan kajian. Lagu-lagu yang dipilih adalah berdasarkan liriknya yang mempunyai maksud dan pelbagai makna yang tersurat dan tersirat yang akan memberikan pelbagai pengetahuan kepada khalayak. Bagi menjelaskan unsur keindahan dalam lirik-lirik lagu tersebut, terdapat tiga jenis ciri keindahan yang akan diuraikan iaitu keutuhan dan kesempurnaan, keselarasan dan keseimbangan serta aspek kejelasan.

4.2.1 Keindahan lirik lagu Asmaradana

Keindahan lirik lagu Asmaradana oleh Tiara Jacqueline merupakan sebuah imaginasi, fantasi, rekaan dan juga kesan dalam sebuah interpretasi sebuah karya. Keindahan lirik lagu Asmaradana ini dapat dilihat melalui hasil penciptaannya dalam lirik lagu-lagunya. Penulis lirik lagu menggunakan berbagai fenomena keindahan alam sebagai sumber inspirasi untuk mengungkapkan maksudnya. Keindahan alam yang dapat dilihat dengan visual dan diungkapkan melalui bait kata dalam lirik lagu. Lirik-lirik lagu yang dicipta ini juga mempunyai pelbagai jenis kata serta menggunakan pengulangan bahasa untuk mengungkapkan sesuatu makna. Unsur kejelasan yang ditunjukkan di dalam lirik lagu ini memaparkan mengenai isi yang tersurat dan tersirat.

Asmaradana

Asmaradana

Cinta adalah suci

Lahir dari jiwa

Menikam sanubari

Hati dalam lara

Cinta mistik abadi

Kekal selamanya

Musim berganti tapi

Wajah tak kan lupa

Penghasilan lirik lagu oleh penulis bertujuan untuk menyampaikan mesej yang tersirat dalam lirik lagu Asmaradana daripada makna yang tersingkap daripada bait-bait kata lagu tersebut. Menurut Farid M. Onn (1981) ketika berbicara mengenai sastera dan aspek

keindahannya maka setiap individu tidak dapat lari daripada memberikan perhatian kepada pengucapannya iaitu bahasa. Oleh itu, penggunaan bahasa yang sesuai dalam lirik lagu menjadi perkara yang penting untuk mengekalkan keindahan sesebuah bahasa itu sendiri. Asmaradana misalnya, sebuah lagu yang dinyanyikan oleh Tiara Jacquelina menerusi filem Puteri Gunung Ledang yang berkisahkan mengenai kisah percintaan antara dua darjat. Lirik lagu ini juga turut memaparkan penggunaan kata yang sedap untuk didengar serta menyampaikan maksud yang berkesan kepada para pendengar dan penonton filem. Pada rangkap pertama jelas dapat dilihat bahawa penulis cuba untuk menyetengahkan mengenai kisah percintaan yang dianggap suci. Misalnya, baris dalam lagu menikam sanubari. Penggunaan kata menikam dalam lirik lagu ini bukan sahaja mendukung makna kesakitan malah ianya merujuk kepada kerosakan dan sengsara yang terbuku di hati.

Makna yang terselindung dari kata yang digunakan menunjukkan bahawa cinta yang dimilikinya itu dapat dirasai sehingga ke lubuk hati yang dalam. Pemilihan kata menikam bertujuan untuk menyakinkan sasaran lagu iaitu benar-benar percaya bahawa cinta antara mereka suci dan wujud. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulis menafsirkan bahawa cinta suci antara mereka merupakan sebuah cinta mistik yang sememangnya akan kekal abadi selamanya. Keindahan bunyi lirik mempunyai kaitan dengan pilihan kata yang digunakan pengarang. Pengarang menggunakan keindahan bahasa pada musim berganti yang memberi maksud bahawa hari-hari yang berganti dan berlalu namun wajah cinta hatinya tetap tidak dilupakan.

Asmaradana

Asmaradana

Bermimpi berlari

Kemuncak destinasi murni

Asmaradana asmaradana

Kemuncak cinta

Asmaradana asmaradana

Cinta suci tak kenal

Harta atau rupa

Mereka jatuh dari

Raja hingga hamba

Selain itu, dapat dilihat juga keindahan kata yang digunakan pada baris pertama iaitu bermimpi berlari yang membawa maksud bahawa kedua-duanya bermimpi bermesra dan berlari di kemuncak destinasi murni dimana mereka berada di dalam sebuah percintaan yang menuju ke puncak bahagia. Keindahan bunyi serta bahasa yang digunakan dapat menimbulkan baris-baris lirik yang sempurna. Secara tidak langsung, penciptaan lirik lagu ini dapat membangkitkan rasa angan-angan pendengar lagu untuk membangunkan imaginasi dalam dirinya seperti yang dimaksudkan oleh penulis lirik.

Penulis juga menafsirkan mengenai cinta yang tidak memilih rupa atau harta di dalam baris pertama bagi rangkap kedua iaitu cinta suci tak kenal harta atau rupa. Seiring dengan filem yang ditayangkan, dapat dilihat bahawa penggunaan lirik lagu Asmaradana mempunyai kaitan dengan lirik lagu iaitu Raja hingga hamba. Hal ini dapat dilihat di dalam filem Puteri Gunung Ledang yang berkisahkan mengenai peminangan Sultan Melaka terhadap Puteri Gunung Ledang namun cintanya terhalang apabila Puteri Gunung Ledang menolak peminangannya itu demi cintanya kepada Hang Tuah. Menerusi filem ini dapat dilihat bahawa

Tuan Puteri telah bernekad untuk menetap di Gunung Ledang dan menghilang dari pandangan semua demi menjaga cinta dan hatinya kepada Hang Tuah. Oleh itu, mesej utama yang hendak disampaikan adalah mengenai kisah percintaan mistik yang kekal abadi. Penciptaan lirik lagu ini mempunyai kaitan yang utuh dengan pembikinan filem Puteri Gunung Ledang.

Penghasilan lirik lagu ini adalah bertujuan untuk menghiburkan dan dalam pada masa yang sama ianya juga bertujuan untuk menyampaikan pesan dan juga pengajaran kepada khalayak. Lagu ini merupakan hasil nyanyian daripada Tiara Jacquelina. Lagu ini telah dikeluarkan pada Julai 2004. Lagu ini adalah sejenis lagu yang bergenre pop tradisional. Penulis lirik lagu ini adalah Edry Abdul Halim dan Norman Abdul Halim. Terdapat pelbagai mesej tersirat yang boleh dilihat melalui penyampaian oleh penulis. Antara mesej utama yang ingin disampaikan oleh penulis ialah lirik lagu ini ingin menyampaikan mengenai kisah percintaan antara dua alam iaitu alam mistik dan juga alam yang nyata. Kehadiran kata cinta mistik abadi ini secara tidak langsung memberikan penegasan bahawa lirik lagu ini memfokuskan mengenai kisah cinta alam mistik yang kekal selamanya. Menurut Croce, B (1972:48), setiap kata dapat menggambarkan seribu makna, dan kata pula membawa setiap pengertian yang tertentu.

4.2.2 Keindahan Lirik Lagu Bagaikan Sakti

Lirik lagu Bagaikan Sakti merupakan sebuah lirik yang digubah oleh M.Nasir. Lagu ini merupakan sebuah lagu nyanyian Datuk Sri Siti Nurhaliza dan M.Nasir. Lagu ini turut dialbumkan bagi filem Puteri Gunung Ledang. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang bergenre balada yang dilancarkan pada 22 Ogos 2004 daripada filem Puteri Gunung Ledang. Seterusnya menerusi lagu Bagaikan Sakti dapat dilihat keindahan bahasa yang dipamerkan oleh penulis lirik yang mempunyai kaitan dengan pembikinan filem Puteri Gunung Ledang. Pemilihan kata

yang secara halus dan tersirat ini menunjukkan mesej yang hendak disampaikan tidak dikasari apabila didengar. Pemilihan kata yang secara halus ini berperanan untuk menunjukkan keindahan yang jelas tergambar di dalam percintaan dua darjat ini. Oleh itu, dapat dilihat kehalusan melalui pemilihan kata dalam lagu *Bagaikan Sakti* yang menunjukkan kepada impian setiap orang untuk mempunyai cinta hatinya sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana, dapat dilihat melalui lirik lagu iaitu :

Bagaikan Sakti

Setiap orang punya impian
Impian itu yang bisa meneruskan kehidupan ini
Impian dinda adalah untuk mendapatkan cinta sejati
Jika patah sayap rajawali
Bertongkat jua kanda ke mari
Adinda anggap sebagai janji

Kajian terhadap lirik lagu *Bagaikan Sakti* perlu ditambah dengan keindahan kata dan bahasa yang akan menarik minat pendengar bagi mengekalkan identiti tradisionalnya yang masih kekal dalam era moden kini. Menurut Farid M. Onn (21:1981), karya yang membabitkan penulisan kreatif imaginatif yang menekankan unsur estetika dan seni menyebabkan ianya bergantung pada keupayaan daya kreatif penulisnya serta penguasaan mekanisme penyusunan bahasa yang amat tinggi. Dapat dilihat dalam lirik lagu baris pertama, penulis cuba untuk menyatakan mengenai impian setiap orang. Penulis percaya bahawa setiap orang pasti mempunyai impian yang tersendiri untuk dicapai. Secara tidak langsung, impian yang dinyatakan didalam lirik lagu ini mempunyai kaitan dengan filem *Puteri Gunung Ledang*. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tuan Puteri menganggap bahawa kehidupannya dapat diteruskan jika impiannya untuk mendapatkan cinta sejatinya tercapai.

Namun, jika sebaliknya, maka dia merelakan untuk berkorban apa saja demi cinta sejatinya itu. Misalnya, dalam baris lagu ini, jika patah sayap rajawali, bertongkat jua kanda ke mari yang memberi maksud bahawa demi percintaan yang utuh, maka mereka sanggup berkorban apa saja asalkan dapat berjumpa antara satu sama lain. Perkataan adinda anggap sebagai janji pada baris terakhir dalam rangkap pertama merujuk kepada Tuan Puteri yang menganggap bahawa ianya sebagai suatu janji yang harus dilaksanakan oleh Hang Tuah. Menurut Farid M. Onn (1981), gaya bahasa yang ditunjukkan oleh penulis atau pengarang merupakan suatu perkara yang menunjukkan kekuatan dan keunggulannya dalam menggunakan bahasa bagi mencipta sesebuah penulisan kreatif. Dalam lirik lagu Bagaikan Sakti memaparkan seni kata yang menunjukkan keindahan penggunaan kata dari aspek bentuk dan seterusnya terjemahan kata yang menguatkan lagi penyampaian dalam sesebuah lagu.

Bagaikan Sakti

Cinta datang tanpa diundang
Seumur masa tercipta
Dia datang bagai sakti
Bagai menyaksi mekar kembang pagi oh

Cinta datang dengan senyuman
Panasnya membakar mentari
Wajah yang tergambar tak akan terpujar
Dari hati insan yang fana ini
Fana ini

Melalui penggunaan lirik lagu diatas dapat dilihat bahawa penulis menerapkan unsur keindahan bahasa melalui bait-bait kata lagu. Penulis menafsirkan bahawa cinta datang tanpa diundang sebagai kisah percintaan yang wujud tanpa dicari. Penulis menyatakan bahawa ianya datang bagai sakti. Perkataan bagai sakti merujuk kepada kekuasaan yang hebat yang wujud diantara mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan filem Puteri Gunung Ledang ketika

peminangan yang dibuat oleh Sultan Melaka telah ditolak oleh Tuan Puteri dan Tuan Puteri bernekad untuk menetap di Gunung Ledang sesuai dengan syarat yang ditetapkan oleh Sultan Melaka.

Pada baris terakhir rangkap pertama, bagai menyaksi mekar kembang pagi memberi maksud bahawa cinta mereka kuat umpama sakti yang sentiasa berkembang seperti bunga dipagi hari. Misalnya, penggunaan kata tersebut merupakan salah satu ciptaan Tuhan yang wujud pada pagi hari dan ianya berkembang untuk menyinari hari, Kewujudan bunga yang mekar menjadikan lukisan alam itu cukup indah dipandang malah ianya menunjukkan suatu keistimewaan ciptaan Allah S.W.T apabila ianya mampu untuk menyinari pagi dengan mengembangkan kelopaknya untuk sentiasa kelihatan cantik. Apabila mekar disifatkan sebagai berkembang, ianya seolah-olah memberi makna bahawa mekar itu sebagai kuntuman bunga yang dinantikan oleh setiap individu untuk melihat keindahan alam itu sebagai kesempurnaan bagi seseorang manusia.

Bagi rangkap kedua, penulis membayangkan bahawa cinta itu merupakan suatu keindahan dimana penulis mengungkapnya dalam lirik baris pertama iaitu cinta datang dengan senyuman. Kata kerja bagi senyuman merujuk kepada perbuatan senyum, iaitu suatu kegembiraan atau kebahagiaan yang ditunjukkan tanpa menuturkan apa-apa butir bicara atau kata-kata. Apabila cinta disifatkan sebagai senyuman, ianya seolah-olah memberi makna bahawa cinta itu suatu kebahagiaan dalam erti kata lain sebagai kegembiraan yang wujud dalam perasaan seseorang. Oleh itu, menurut Zulkiefly Hamid (572, 1991), menyatakan bahawa ianya merupakan sebagai suatu bentuk pentafsiran makna yang melewati batas-batas makna literal bagi sesebuah ayat. Manakala, didalam baris kedua dapat dilihat penulis menggunakan kata sifat seperti panasnya membakar mentari.

Penulis merujuk kepada hangatnya sebuah percintaan seperti mentari yang menyinari bumi. Mentari merupakan salah satu ciptaan Tuhan yang wujud pada siang hari dan bertujuan untuk menerangi alam. Kewujudan mentari menjadikan lukisan alam itu cukup indah dipandang malah ianya sebagai satu keistimewaan ciptaan oleh Allah S.W.T apabila ianya mampu menyinari seluruh alam semesta. Selain itu, penulis juga menyifatkan bahawa kisah percintaan di antara mereka tidak akan pudar kerana hati mereka telah bersatu meskipun Puteri Gunung Ledang tidak dapat dilihat dengan mata kasar namun jiwa mereka tetap bersatu. Penulis mengungkap maksud wajah yang tergambar tak akan pudar merujuk kepada wajah cinta hatinya akan terus kekal berada di dalam ingatan dan tidak akan pudar dari ingatannya. Di dalam baris insan yang fana ini merujuk kepada kehilangan Puteri Gunung Ledang yang tinggal di puncak Gunung Ledang tanpa boleh dilihat oleh sesiapa. Hal ini dikatakan demikian kerana, Tuan Puteri menurut syarat-syarat yang diperintahkan oleh Sultan Melaka bahawa tiada siapa akan dibenarkan izin untuk bertemu dengan Tuan Puteri sesudah waktu subuh maka mereka akan disumpah mati bermuntahkan darah.

Bagaikan Sakti

Tak mungkin mentari akan terus sembunyi

Tiada sempadan tak bisa kulewati

Jika ini hakikatnya

Aku serahkan jiwa dan ragaku

Menantimu walau sengsara

Jika ini ketentuan-Nya

Jika ini hakikatnya

Aku serahkan jiwa dan raga

Jika ini ketentuan-Nya

Kau kan jadi milikku jua

Bila sampai waktu kita akan bersama

Selain itu, terdapat juga lirik Bagaikan Sakti yang melengkapi keseluruhan lagu Bagaikan Sakti ini menerusi filem Puteri Gunung Ledang. Dapat dilihat penulis lirik lagu mengaitkan lirik dengan filem dimana penulis menggunakan unsur alam seperti mentari didalam lirik lagu yang merujuk kepada sinaran cahaya matahari. Penulis memberikan maksud bahawa tiada sempadan yang harus mereka lalui dan perlu berserah kepada takdir. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulis menggambarnya dalam baris aku serahkan jiwa dan ragaku, menantimu walau sengsara. Perjalanan mengenai percintaan mereka hanya diserahkan kepada takdir yang ditentukan oleh Allah S.W.T. Penggunaan lirik lagu yang tersirat dan tersurat ini telah menghasilkan sebuah karya yang membawa kepada unsur realisme kepada masyarakat yang menonton. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan bahasa yang indah di dalam lirik lagu dapat mengekalkan tradisi keindahan bagi sesuatu bahasa itu sendiri. Secara lumrahnya, dapat dilihat penggunaan kata mentari yang digunakan oleh penulis dalam cuba menyampaikan maksud bahawa mentari akan hilang setelah tiba waktu malam. Pertentangan sifat yang wujud melalui seni kata dalam lirik lagu Bagaikan Sakti adalah bertujuan untuk menyatakan suatu perasaan yang hampa dan kecewa tetapi dalam masa yang sama perlu menerima takdir yang ditentukan oleh Allah S.W.T apabila hubungan yang dibina tidak sampai ke akhir jalan.

Hal ini dapat dilihat melalui baris lagu terakhir iaitu bila sampai waktu kita akan bersama. Kepercayaan dalam sebuah percintaan yang membuktikan bahawa mereka percaya bahawa mereka akan ditakdirkan bersama apabila masanya sudah tiba. Penulis juga turut menggunakan perulangan kata pada baris kedua terakhir dan terakhir agar ianya dapat menghidupkan suasana dalam filem tersebut serta mudah untuk penonton memahami jalan cerita bagi filem Puteri Gunung Ledang.

4.2.3 Keindahan Lirik Lagu Keranamu Kekasih

Lagu Keranamu Kekasih merupakan sebuah lagu yang dinyanyikan oleh Vince Chong. Pada tahun 2005, Vince telah dipilih untuk menyanyikan lagu Keranamu Kekasih dalam filem Puteri Gunung Ledang. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang bergenre balada. Lagu ini turut dijadikan sebagai runut bunyi didalam filem Puteri Gunung Ledang. Runut bunyi merupakan sebuah rakaman muzik yang dimainkan sepanjang perjalanan filem, rancangan melalui televisyen, permainan video dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, lagu ini dipilih kerana memiliki kekuatan yang tersendiri melalui keindahan bahasa yang disampaikan. Penggunaan kata yang lembut dapat menyampaikan cerita dan pesanan yang ringkas melalui bait-bait kata pada setiap lirik dengan mudah kepada pendengar dan penonton filem. Oleh itu, dapat dilihat melalui liriknya:

Keranamu Kekasih

Kekasih jangan berduka,
Yakin kita kan bersama,
Hati ini satu walau jauh di mata,
Ikatan cinta,
Hati pujuklah perasaan,
Jauhi segala keraguan,
Sayang untukmu kukorbankan,
Demi satu harapan,
Kepangkuan mu kekasih,
Keranamu kekasih.

Selain itu, dapat dilihat juga melalui keindahan lirik lagu ini, penulis telah menyatakan tema melalui tajuk yang dicipta iaitu lirik mengenai kasih sayang yang terjalin antara dua insan. Lirik ini dapat menyampaikan pesanan kepada kekasihnya untuk tidak berduka meskipun hubungan yang terjalin di antara mereka terpisah jauh. Penulis menyampaikan pada baris ketiga

iaitu hati ini satu walau jauh di mata yang memberikan maksud bahawa mereka tetap bersatu meskipun tidak berjumpa antara satu sama lain. Penulis juga menyampaikan pesan secara halus untuk memujuk dirinya agar bersabar dan bertahan demi kekasihnya.

Penulis membayangkan bahawa pada suatu masa nanti mereka akan saling berjumpa antara satu sama lain dan kembali kepangkuan kekasihnya. Penulis percaya bahawa setiap bait kata di dalam lirik lagu ini menyampaikan pesan yang begitu mendalam kepada pasangan yang bercinta. Irama dan nada yang bergenre balada juga akan dapat menarik hati pendengar untuk merasai dan menikmati dendangan lagu melalui perasaan mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap penggunaan bahasa dan kata yang digunakan dalam lirik-lirik lagu tersebut telah menjadi perhatian kepada setiap masyarakat yang mendengar serta menonton filem tersebut. Menurut Blacking (1995), lirik lagu merupakan suatu bentuk bunyi yang dihasilkan melalui proses sosial dan kognitif masyarakat.

Keranamu Kekasih

Hadirmu bagai cahaya,
Damai resah dan gelora,
Hati kita walau lara melanda,
Asmara cinta,
Tiada hujungnya.

Penggunaan lirik lagu haruslah seiring dengan penggunaan audio dan kesan bunyi nada di dalam lagu tersebut. Lirik lagu Keranamu Kekasih juga turut memasukkan unsur alam seperti cahaya dan gelora. Cahaya yang dimaksudkan adalah merujuk kepada sebuah sinar yang menyinari. Penulis mengatakan bahawa hadirnya diri seseorang itu menyinari hidupnya yang kesepian dan gundah. Manakala keindahan bahasa yang digunakan iaitu gelora membawa maksud bahawa timbulnya perasaan membuak-buak kepada kekasihnya yang menyimpan rindu tiada penghujung. Penghasilan lirik lagu ini merupakan suatu penyampaian yang

berkesan untuk meluahkan perasaan dan pada masa yang sama menyampaikan maksud-maksud yang tersirat melalui setiap bait kata. Menurut Mary Fatimah Subet (2017), yang mecorakkan bidang emosi bukan sahaja dalam bidang psikologi, malahan ianya turut melibatkan bidang bahasa dan juga linguistik yang mampu mengarah emosi pendengar dan pembaca dalam menggunakan bahasa yang telah dilontarkan.

Keranamu Kekasih

Hati pujuklah perasaan,
Jauhi segala kesangsian,
Cinta walaupun berjauhan,
Kan ku kenang senyuman,
Kerinduan ku masih,
Kepadamu kekasih,
Dan keyakinan ku masih,
Kepadamu kekasih.

Penggunaan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu ini dapat memujuk hati individu kerana penggunaan katanya yang halus dan lembut. Penggunaan bahasa merupakan sebuah medium yang penting kerana ianya akan menyampaikan maksudmaksud yang tersirat dan memberi pelbagai makna dari bahasa yang digunakan. Menurut Philips (1999), pemikiran kreatif merupakan sebuah kemahiran berfikir dengan kreatif dalam mengolah sesuatu perkara. Didalam lirik ini dapat dilihat bahawa penulis cuba memujuk hatinya untuk menjauhi segala kesangsian meskipun cinta mereka berjauhan. Keindahan bahasa yang digunakan dalam lirik lagu ini memberikan makna yang mendalam kepada seseorang. Penulis juga turut menyatakan pada baris keempat iaitu kan ku senang senyuman yang bermaksud senyumannya tetap berada dalam ingatan meski jauh terpisah. Kerinduannya masih utuh kepada kekasihnya meskipun hubungan mereka terpaksa dipisahkan dengan jarak. Penciptaan lirik lagu juga memberikan pelbagai manfaat kepada penulis dan juga pendengar. Selain daripada itu, penciptaan lirik-lirik

lagu ini juga turut memberikan pelbagai makna yang tersurat dan tersirat dari sesebuah cerita mahupun pengalaman yang ditulis oleh penulis itu sendiri.

4.3 Mengkaji unsur - unsur keindahan bahasa yang terdapat di dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang berdasarkan teori stilistik.

4.3.1 Analisis Prinsip Makna dan Semantik

Ilmu semantik pada awalnya telah dimasukkan ke bawah ilmu falsafah atau dikenali sebagai semantik falsafah. Semantik falsafah melihat hubungan bahasa, makna dan pemikiran. Menurut Brown (1974), semantik falsafah ini juga turut diguna pakai oleh ahli antropologi seperti Malinowski dan Charlesworth. Manakala, metafora dalam semantik mengikut tafsiran Za'ba (2000), ianya mengandungi implisit. Ilmu semantik merupakan sebuah ilmu yang mengkaji makna dengan saintifik. Prinsip makna atau semantik bermaksud ianya merupakan suatu bidang makna atau semantik yang sebenarnya menjadi sebahagian daripada ilmu, linguistik kerana bahasanya tidak akan sempurna jika tidak mempunyai unsur makna. Semantik merupakan suatu bidang yang mengkaji makna dalam sesuatu bahasa. Semantik juga merupakan sebahagian daripada bidang tatabahasa yang merujuk kepada kajian yang melibatkan struktur bahasa seperti aspek kajian, fonetik, morfologi dan juga sintaksis.

Jadual 1 menunjukkan penggunaan semantik dalam tiga buah jenis lagu yang digunakan dalam filem Puteri Gunung Ledang iaitu Asmaradana, Bagaikan Sakti dan Keranamu Kekasih.

No.	Data	Lirik	Tajuk Lagu	Nota
1.	Kemuncak cinta, Asmaradana, asmaradana.	1	Asmaradana	Penggunaan frasa “asmaradana”
2.	Cinta suci tak kenal, Harta atau rupa.	2	Asmaradana	Penggunaan frasa “suci”
3.	Menikam sanubari, Hati dalam lara..	3	Asmaradana	Penggunaan frasa “ menikam sanubari”
4.	Mereka jatuh dari, Raja hingga hamba.	4	Asmaradana	Penggunaan frasa “raja hingga hamba
5.	Impian dinda adalah untuk Mendapatkan cinta sejati.	5	Bagaikan Sakti	Penggunaan frasa “ cinta sejati”
6.	Jika patah sayap rajawali,	6	Bagaikan Sakti	Penggunaan frasa “sayap rajawali”
7.	Dia datang bagai sakti.	7	Bagaikan Sakti	Penggunaan frasa “bagai sakti”
8.	Bagai menyaksi mekar kembang pagi oh.	8	Bagaikan Sakti	Penggunaan frasa “mekar kembang”
9.	Dari hati insan yang fana ini.	9	Bagaikan Sakti	Penggunaan frasa “fana”
10.	Hadirmu bagai cahaya.	10	Keranamu Kekasih	Penggunaan frasa “hadirmu bagai cahaya”
11.	Damai resah dan gelora	11	Keranamu Kekasih	Penggunaan frasa “resah dan gelora”
12.	Hati kita walau lara melanda	12	Keranamu Kekasih	Penggunaan frasa “lara melanda”
13.	Asmara cinta, Tiada hujungnya.	13	Keranamu Kekasih	Penggunaan frasa “asmara cinta

Rajah 4.3.1.1 Data Analisis Prinsip Makna dan Semantik

Prinsip kajian makna atau semantik pada contoh pertama boleh dilihat melalui penggunaan frasa asmaradana. Dalam contoh lirik lagu tersebut dapat dilihat bahawa ianya merujuk kepada sebuah percintaan. Penghasilan lirik lagu Asmaradana adalah bertepatan dengan jalan cerita dalam pembikinan filem Puteri Gunung Ledang. Berdasarkan baris terakhir itu, dapat dilihat dengan jelas bahawa penulis cuba untuk mengetengahkan mengenai tema lagu yang hendak disampaikan iaitu mengenai sebuah percintaan. Namun begitu, penulis cuba untuk tidak menunjukkan secara terangterangan mengenai bait-bait kata lirik.

Manakala, pada contoh kedua pula penulis telah memilih penggunaan frasa dengan menggunakan perkataan suci. Penggunaan frasa suci merujuk kepada makna bergantung kepada ayat yang digunakan oleh penulis. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), suci bermaksud bersih, tidak berdosa dan bebas dari kotoran. Namun begitu, perkataan suci yang terdapat di dalam lirik lagu ini merujuk kepada sesuatu perkara yang mulia atau sejati. Penulis cuba untuk menyampaikan mesej kepada khalayak mengenai kesejatian cinta atau kemuliaan cinta antara insan yang ikhlas dalam menjaga hati dan perasaan pasangan mereka. Oleh itu, wajarlah penulis memilih makna suci untuk menunjukkan kewujudan sebuah cinta yang mulia kepada pasangan mereka.

Prinsip kajian makna atau semantik pada contoh ketiga dilihat melalui penggunaan frasa menikam sanubari. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), menikam merujuk kepada menusuk ataupun mencucuk dengan sesuatu benda yang tajam. Menikam diibaratkan senjata tajam yang ditusuk ke dalam tubuh sehingga ianya boleh menyakiti serta melukai. Manakala, maksud lain bagi perkataan menikam pula adalah mempertaruhkan wang dalam perjudian seperti bermain loteri. Selain itu, makna bagi perkataan sanubari menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka

(2007), merujuk kepada hati mahupun perasaan dalam hati yang tidak mempunyai cara yang tertentu untuk menyelami isi sejak dari lahir. Sanubari merupakan kata nama yang sinonim dengan maksud hati, kalbu, rohani dan perasaan.

Manakala merujuk kepada keempat pula, penulis turut menggunakan frasa raja hingga hamba untuk memperlihatkan penggunaan prinsip kajian terhadap makna atau semantik. Dalam lirik lagu Asmaradana, pada bait kedua, penulis menggunakan frasa raja hingga hamba untuk menyampaikan maksud yang menggambarkan darjat manusia. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005), raja bermaksud individu yang mengetuai serta memerintah sesuatu negara atau bangsa. Manakala, hamba pula merujuk kepada orang bawahan yang terpaksa bekerja untuk menyerah diri mereka dan juga diperlakukan seperti orang bawahan. Kebiasaan orang yang menjadi hamba ini merupakan orang kampung.

Namun begitu, hamba juga turut merujuk kepada diri sendiri dalam penggunaan bahasa istana. Hamba merupakan bahasa pertuturan yang digunakan didalam bahasa istana ketika berkomunikasi dengan Raja atau Sultan. Melalui perkataan ini, jelaslah bahawa penulis cuba untuk menyampaikan mesej bahawa percintaan yang berlaku di antara mereka yang bermula dari raja sehingga diperlakukan seperti hamba. Cinta mereka yang ditolak dan ditentang oleh Raja yang ingin meminang Puteri Gunung Ledang seperti dalam filem tersebut telah dijadikan sebagai penghasilan lirik lagu Asmaradana. Oleh kerana cinta yang begitu agung, Puteri Gunung Ledang lebih sanggup untuk menerima segala syarat yang ditetapkan oleh Rajanya daripada menerima lamaran rajanya itu.

Manakala pada baris kelima penggunaan frasa yang dipilih oleh penulis pula ialah cinta sejati. Cinta merupakan sebuah perasaan kasih sayang, sebuah pengertian, ataupun emosi seseorang terhadap seseorang atau sesuatu perkara. Menurut Sigmund Freud, seorang psikologi terkenal telah melihat cinta ini sebagai suatu hasil yang meliputi segala jenis psikologi dimana

ianya mempunyai unsur- unsur emosional dan akan membentuk pengalaman cinta. Sejati pula bermaksud mengenai penjelasan atau interpretasi mengenai makna yang mendasari sesuatu perkara. Dalam konteks hubungan atau perasaan, ianya mencakupi pemahaman yang mendalam, kejujuran dan juga sebagainya. Manakala, bagi maksud cinta sejati pula merujuk kepada sebuah hubungan atau perasaan yang bersifat tulus dan abadi. Cinta sejati merupakan sebuah cinta yang setia antara individu atau sesuatu.

Berdasarkan lirik Bagaikan Sakti terdapat penggunaan frasa yang memberikan makna semantik. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya dapat dilihat melalui penggunaan frasa sayap rajawali. Jika dilihat makna bagi sayap adalah berkaitan dengan tubuh binatang yang digunakan untuk terbang kerana ianya dijadikan sebagai daya angkat untuk mengawal penerbangan ketika pada permukaan atas. Disamping itu, rajawali merupakan sejenis burung. Namun begitu, jika angin terlalu kuat maka sayap yang terbang juga tidak boleh membatasi kekuatan angin. Namun dalam lirik lagu ini, sayap yang dimaksudkan bukan dikaitkan dengan binatang malahan berkaitan dengan semangat yang tinggi yang ditunjukkan oleh seseorang untuk membuktikan bahawa dirinya tidak akan berputus asa jika sayapnya patah maka tongkat akan menjadi pilihan untuk dirinya meneruskan kehidupannya itu.

Pemilihan makna atau semantik oleh penulis pada contoh seterusnya pula ialah bagai sakti merupakan kuasa yang berada di luar kemampuan manusia. Sakti juga merujuk kepada kekebalan yang mempunyai kuasa ghaib dengan melakukan suatu kesaktian. Manakala merujuk kepada perkataan bagai sakti di dalam lirik lagu tersebut, merujuk kepada kekuatan cinta yang datang tanpa diundang. Kekuasaan cinta yang datang itu dapat dirasai oleh penulis. Penggunaan frasa yang memberikan pelbagai makna tersirat akan menjadikan sesebuah lirik lagu itu lebih bermakna kerana penggunaan perkataan yang mendalam dan jarang didengar oleh masyarakat.

Penulis juga menggunakan makna mekar kembang dengan merujuk sebagai ciptaan Tuhan yang wujud dan berkembang untuk menyinari hari. Penggunaan makna bunga yang mekar merujuk kepada keistimewaan yang diciptakan oleh Tuhan. Apabila perkataan mekar disifatkan sebagai berkembang, maka ianya seolah-olah memberi makna bahawa mekar sebagai kuntuman bunga yang dinantikan oleh setiap individu untuk melihat keindahan alam itu sebagai kesempurnaan bagi seseorang manusia. Manakala, penggunaan frasa mekar kembang ini juga merujuk kepada lagu Bagaikan Sakti. Frasa ini mempunyai makna yang tersirat iaitu ianya merujuk kepada gaya penulis yang mengembangkan atau menyebarkan perkara mahupun benda dengan jumlah yang banyak. Mekar yang dimaksudkan oleh penulis adalah cinta. Cinta sejati yang datang tanpa ada keraguan dan diundang kian berkembang hari demi hari. Penggunaan frasa mekar kembang yang mempunyai makna yang tersirat ini juga dapat digambarkan melalui bahasa kiasan yang halus. Justeru itu, penggunaan frasa mekar kembang ini merupakan frasa yang mempunyai unsur makna yang tersirat yang cuba diungkapkan oleh penulis melalui pemilihan frasa ini.

Berdasarkan contoh seterusnya, penulis memilih penggunaan makna melalui perkataan fana ini. Fana menjerus kepada maksud ianya tidak kekal. Berdasarkan lagu yang bertajuk Bagaikan Sakti, penggunaan makna fana bertepatan dengan maksud yang cuba disampaikan melalui filem Puteri Gunung Ledang. Hal ini dapat dilihat dalam maksud lagu ini mengenai percintaan yang tidak kekal antara dua insan yang terpaksa melalui pelbagai halangan demi cinta mereka. Hubungan antara mereka hanya terputus jasad namun dari segi rohani hubungan antara mereka masih utuh terjalin. Oleh itu, sebagai seorang pasangan yang rindu kepada cinta hati hanya doa yang menjadi penghubung dan kekuatan hubungan mereka yang terpisah jauh. Percintaan dua darjat yang terpisah melalui alam ghaib hanya akan menjadi terpatri diantara mereka berdua.

Manakala pada contoh seterusnya pula, lirik lagu Keranamu Kekasih pula memaparkan unsur makna hadirmu bagi cahaya. Baris tersebut menggunakan unsur alam seperti penggunaan perkataan cahaya. Cahaya yang dimaksudkan adalah merujuk kepada sebuah sinar yang menyinari. Kehadiran yang dimaksudkan merujuk kepada kedatangan seseorang dalam hidup yang membawa kebahagiaan kepada pasangannya. Keindahan bahasa yang digunakan ini dapat menjadikan sebuah penghasilan lirik lagu itu disampaikan dengan berkesan melalui setiap bait kata yang digunakan. Selain dari itu, aspek semantik ini juga turut mempunyai kaitan dengan khalayak sasaran, latar belakang audiens, konteks bahasa yang dikuasai topik dan fokus bicara serta banyak lagi. Menurut Za'ba (1950), menyatakan bahawa semantik merujuk kepada kesantunan dalam berbahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemilihan makna oleh penulis dapat memberikan kesan kepada karya yang akan dihasilkan.

Seterusnya, bagi lirik lagu Keranamu Kekasih pengkaji telah memilih makna bagi perkataan resah dan gelora. Resah membawa maksud bagi sebuah perasaan yang resah, tidak tenang ataupun cemas yang disertai dengan kekhawatiran atau ketidakselesaan. Ia merupakan suatu respons bagi emosional terhadap suatu pemikiran yang menimbulkan ketidakpastian atau ketidakpuasan. Manakala, bagi makna gelora pula adalah sebuah perasaan yang membuak-buak seperti bersemangat ingin tahu, gembira atau mempunyai kekuatan yang positif. Oleh itu, penulis telah memasukkan unsur emosional yang dapat ditunjukkan oleh watak yang risau dengan kadar tinggi atau mempunyai rasa resah yang terhadap perkara yang akan dihadapi.

Bagi lirik lagu Keranamu Kekasih, pengkaji telah memilih makna yang seterusnya iaitu lara melanda dimana ianya merupakan sebuah gambaran yang menggambarkan kesedihan atau penderitaan yang dialami oleh seseorang dengan secara tiba-tiba atas faktor emosi yang terlampau. Namun begitu, makna lain yang telah dipilih oleh pengkaji melalui lirik lagu ini juga adalah asmara cinta. Ianya merujuk kepada maksud mengenai sebuah emosi atau hubungan cinta yang melibatkan perasaan kasih sayang, daya tarik dan juga ikatan emosional

antara dua individu. Asmara cinta mencakupi elemen seperti keintiman, romantik dan juga keinginan untuk saling memahami dan menyokong di antara satu sama lain dalam hubungan percintaan.

4.4 Kepentingan Unsur Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu Melayu Tradisional Yang Terdapat Dalam Filem Puteri Gunung Ledang

4.4.1 Mengalakkan masyarakat untuk membaca karya sastera Melayu Tradisional.

Lirik lagu yang terdapat di dalam filem Puteri Gunung Ledang ini merupakan salah satu cara ataupun langkah yang dapat diambil bagi mengalakkan lagi masyarakat untuk membaca karya sastera. Hal ini dikatakan demikian kerana, filem merupakan salah satu medium yang dapat menarik minat masyarakat terutamanya dari kalangan generasi muda. Oleh itu, dengan mengalakkan lebih banyak masyarakat untuk membaca karya sastera akan dapat menerapkan nilai yang besar dalam diri mereka untuk melestarikan budaya dan menghargai warisan Melayu tradisional. Karya sastera melayu tradisional ini bukan sahaja mengandungi keindahan bahasa namun ia juga mencerminkan nilai-nilai, norma-norma dan juga pandangan dunia masyarakat Melayu yang kaya. Dengan mengalakkan masyarakat, maka ianya dapat diresapi dengan kekayaan budaya dan juga sejarah. Secara tidak langsung, ianya dapat memupuk dan menimbulkan rasa bangga terhadap identiti budaya Melayu yang kaya dengan pemahaman nilai-nilai tradisional yang akan membentuk masyarakat Melayu.

Selain itu, pembacaan mengenai karya sastera Melayu tradisional juga dapat mengasah pemahaman bahasa Melayu yang akan meningkatkan kefasihan berbahasa dan juga memperluaskan kosa kata Melayu. Dengan demikian, mengalakkan

masyarakat Melayu tradisional dapat menjadi langkah yang bererti dalam melestarikan dan juga mewariskan nilai-nilai budaya kepada generasi yang akan datang.

4.4.2 Medium untuk mendidik masyarakat

Penghasilan lirik lagu merupakan sebuah medium untuk mendidik masyarakat. Penghasilan seni kata yang indah akan dapat meninggalkan kesan yang baik kepada masyarakat malahan sastera dan bahasa juga tidak dapat dipisahkan dari sifatnya. Penghasilan lirik lagu juga adalah merupakan hasil gabungan seni bahasa dan seni suara yang melibatkan suara penyanyi dan melodi. Mengikut edaran masa kini, golongan muda lebih gemar terpengaruh dengan sesuatu perkara melalui selebriti pilihan mereka. Oleh hal yang demikian, dapat dikatakan bahawa penghasilan lirik lagu yang berkesan akan dapat menyampaikan makna yang tersirat dan tersurat kepada pendengar malahan masyarakat lain kerana dapat menggunakan sebagai satu platform yang mudah dan juga jelas untuk didengari dimana sahaja mereka berada.

Didaktik merupakan suatu medium mengenai pengajaran dan juga pendidikan. Ianya mencakup kaedah pengajaran, strategi pembelajaran dan juga aspek-aspek lain yang terlibat dalam penyampaian informasi dengan tujuan mendidik atau memberikan pembelajaran yang efektif. Sebagai contoh, pendekatan didaktik boleh digunakan untuk mendidik masyarakat mengenai penghasilan seni kata melalui penggunaan bahasa-bahasa Melayu yang indah yang akan memberikan pelbagai makna untuk menyampaikan sesuatu perkara dengan mudah dan jelas. Justeru itu, melalui penggunaan lirik lagu Melayu tradisional, ianya merupakan sebagai medium pendidikan untuk masyarakat menjadikannya sebagai pendekatan yang kreatif dan efektif.

Penyampaian lirik lagu Melayu tradisional ini juga secara tidak langsung akan dapat membantu untuk menyampaikan pesan pendidikan dan memperkuat identiti budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat banyak lirik lagu Melayu tradisional yang mengandungi pelajaran moral atau nasihat. Dengan mengapresiasi dan menganalisis lirik-lirik tersebut, masyarakat akan dapat mengambil hikmah dan nilai-nilai positif untuk diterapkan dalam kehidupan sehari-hari. Dengan ini, lagu Melayu tradisional juga dapat memperkayakan penggunaan bahasa Melayu dengan meningkatkan pemahaman dan kefasihan berbahasa melalui apresiasi terhadap lirik-lirik lagu yang dihasilkan.

4.4.3 Meluaskan pemahaman

Penghasilan lirik lagu yang menarik juga dapat meluaskan pemahaman masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Mohd Kassim Ismail (2004), penghasilan lirik lagu merupakan sebuah realiti kehidupan dan pendengar juga akan turut sama berimajinasi ketika menghayati sesebuah lirik lagu yang disampaikan oleh penulis. Kebiasaannya, lirik lagu yang ditulis mempunyai kaitan dengan pengalaman penulis. Masyarakat juga akan lebih mudah memahami jalan cerita ketika mendengar lirik lagu yang mempunyai bait kata yang indah yang akan memberikan pelbagai makna melalui suasana yang diikuti dengan nada irama lagu tersebut. Lirik lagu Melayu tradisional juga dapat dijadikan sebagai penyampaian nasihat, hikmah atau cerita moral. Ia juga secara tidak langsung, dapat membantu untuk meluaskan pemahaman terhadap nilai-nilai yang ingin disampaikan kepada pendengar.

4.5 Rumusan

Secara keseluruhannya, pengkaji telah menghuraikan secara keseluruhan dengan lebih terperinci berkaitan dengan dapatan kajian melalui kaedah kajian yang telah digunakan dalam melakukan kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajian kualitatif. Proses analisis data yang dilakukan adalah untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan kajian melalui kaedah kepustakaan, laman sesawang dan juga pemerhatian yang dilakukan terhadap filem serta kaedah analisis juga dilakukan berdasarkan kaedah analisis tekstual. Pengkaji telah mengaplikasikan teori stilistik bagi mengukuhkan lagi hasil dapatan kajian. Perbincangan dan analisis ini telah secara tidak langsung telah menjawab segala yang dinyatakan dalam lirik lagu filem Puteri Gunung Ledang.

BAB 5

KESIMPULAN

5.0 Pengenalan

Bab ini telah membincangkan mengenai dapatan kajian yang telah dibentangkan dalam bab empat. Perbincangan telah dibuat dalam lima bahagian iaitu pengenalan, hasil perbincangan, implikasi kajian, cadangan dan akhir sekali adalah rumusan. Hal ini dikatakan demikian kerana, ianya bagi membantu pengkaji-pengkaji lain untuk mengisi kelompongan kajian ini pada masa hadapan.

5.1 Hasil Perbincangan

Kajian ini merupakan sebuah kajian yang dilakukan untuk menganalisis unsurunsur keindahan yang terdapat dalam lirik lagu dalam filem Puteri Gunung Ledang. Setiap elemen yang terdapat dalam lirik lagu ini secara tidak langsung menarik minat golongan masyarakat untuk menonton filem dan secara tidak langsung ianya juga dapat memberikan pendedahan kepada golongan muda melalui lirik-lirik yang digunakan dalam filem tersebut. Secara tidak langsung, pengkaji telah menyenaraikan 10 buah lagu yang terdapat di dalam filem Puteri Gunung Ledang. Namun, hanya 3 buah lagu yang akan dipilih berdasarkan liriknya yang mempunyai kaitan dengan kajian. Lagu-lagu yang dipilih adalah berdasarkan liriknya yang mempunyai maksud dan pelbagai makna yang tersurat dan tersirat yang akan memberikan pelbagai pengetahuan kepada khayalak. Bagi menjelaskan unsur keindahan dalam lirik-lirik lagu tersebut, terdapat tiga jenis ciri keindahan yang akan dijelaskan iaitu keutuhan dan kesempurnaan, keselarasan dan keseimbangan serta aspek kejelasan.

Pengkaji juga dapat membincangkan bahawa keindahan lirik lagu Asmaradana nyanyian Tiara Jacquelina merupakan sebuah imaginasi, fantasi, rekaan dan juga kesan dalam sebuah interpretasi sesebuah karya. Keindahan lirik lagu Asmaradana ini dapat dilihat melalui

hasil penciptaannya dalam setiap bait-bait kata lagunya. Penulis lirik lagu ini juga menggunakan pelbagai fenomena keindahan alam sebagai sumber inspirasi untuk mengungkap maksudnya. Keindahan alam yang dapat dilihat secara visual serta diungkapkan dengan kata-kata di dalam lirik lagu tersebut. Di dalam lirik lagu ini dapat dilihat bahawa penulis cuba untuk menyetengahkan mengenai kisah percintaan mereka. Makna yang terselindung dari kata yang digunakan menunjukkan bahawa cinta yang dimilikinya itu dapat dirasakan sehingga ke lubuk hati yang dalam. Pemilihan kata menikam bertujuan untuk menyakinkan sasaran lagu iaitu bahawa ia benar-benar percaya mengenai cinta antara mereka itu adalah suci dan wujud. Keindahan bunyi serta bahasa yang digunakan dapat menimbulkan baris-baris lirik yang sempurna. Secara tidak langsung, penghasilan lirik lagu ini dapat membangkitkan rasa angan-angan pendengar lagu untuk membangunkan imaginasi dalam dirinya seperti yang dimaksudkan oleh penulis lirik.

Manakala bagi lirik lagu *Bagaikan Sakti* pula merupakan sebuah lirik lagu yang telah digubah oleh M.Nasir. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang bergenre balada yang dilancarkan pada 22 Ogos 2004 daripada pembikinan filem *Puteri Gunung Ledang*. Menerusi lagu ini dapat dilihat keindahan bahasa yang dipamerkan oleh penulis lirik yang mempunyai kaitan dengan pembikinan filem *Puteri Gunung Ledang*. Pemilihan kata yang secara halus dan tersirat melalui lirik lagu ini menunjukkan mesej yang hendak disampaikan bahawa ianya tidak kasar apabila didengar. Pemilihan kata yang secara halus ini berperanan untuk menunjukkan keindahan yang jelas tergambar di dalam percintaan antara dua darjat ini.

Perbincangan seterusnya pula adalah mengenai lagu *Keranamu Kekasih*. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang dinyanyikan oleh Vince Chong pada tahun 2005. Lagu ini merupakan sebuah lagu yang bergenre balada yang dijadikan sebagai runut bunyi di dalam filem *Puteri Gunung Ledang*. Runut bunyi merupakan sebuah rakaman muzik yang dimainkan sepanjang perjalanan filem, rancangan melalui televisyen, permainan video dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, lagu ini menjadi pilihan pengkaji kerana ianya memiliki kekuatan yang tersendiri melalui keindahan bahasa yang disampaikan. Lirik lagu ini dapat membincangkan bahawa ianya sebuah pesanan untuk disampaikan kepada kekasihnya agar tidak terus berduka meskipun hubungan yang terjalin antara mereka telah terpisah jauh. Setiap penggunaan bahasa dan kata yang digunakan dalam lirik-lirik lagu tersebut telah menjadi perhatian kepada setiap masyarakat yang mendengar serta menonton filem tersebut. Menurut Blacking (1995), lirik lagu merupakan suatu bentuk bunyi yang dihasilkan melalui proses sosial dan kognitif masyarakat.

5.2 Implikasi Kajian

Penggunaan lirik lagu dalam filem dapat memberikan pelbagai impak dan mesej serta tujuan yang tertentu. Ianya juga memberikan pendedahan kepada masyarakat mengenai kewujudan lirik lagu dengan menggunakan bahasa Melayu tradisional supaya penggunaan bahasa Melayu tradisional ini tidak lapuk dek zaman. Lirik lagu juga turut menerapkan pelbagai maksud yang tersirat dan tersurat agar masyarakat umum mudah memahami mengenai jalan cerita dan mendapat nilai serta pengajaran daripada lagu yang didendangkan. Penghasilan lirik lagu yang menggunakan kata-kata yang lembut juga memberikan kesedaran dan emosi kesedihan mengikut nada iramanya yang tersendiri kepada para pendengar. Hasil lirik lagu ini juga dapat dilihat memberi kesedaran hati, pembentukan minda dan juga perkembangan personaliti dalam kehidupan masyarakat. Kekuatan yang wujud pada lirik lagu merupakan sesuatu unsur yang hendak disampaikan kepada masyarakat.

5.2.1 Melestarikan budaya

Pengapresiasian lirik lagu Melayu tradisional dapat membantu dalam melestarikan budaya Melayu. Dengan memahami dan memelihara karya-karya ini,

maka setiap masyarakat akan dapat menjaga warisan Melayu yang kaya dengan penggunaan bahasa Melayu tradisional. Dengan ini, ia dapat memastikan warisan budaya ini tetap hidup dan relevan dalam perkembangan zaman.

5.2.2 Pembelajaran Mengenai Nilai dan Moral

Lirik lagu Melayu tradisional mempunyai pelbagai nilai dan pesan moral yang disampaikan melalui penulis agar masyarakat dapat mendengar serta meneliti setiap bait kata lirik lagu untuk dijadikan sebagai pengajaran. Dengan kepelbagaiaan nilai dan pelajaran moral, ia dapat memberikan implikasi bahawa masyarakat dapat menggunakan karya-karya ini sebagai sumber pembelajaran nilai-nilai positif, etika dan juga moral dalam konteks budaya Melayu.

5.2.3 Meningkatkan Penggunaan Bahasa Dalam Bidang Sastera

Penggunaan lirik lagu Melayu tradisional dapat memperkuat lagi penggunaan bahasa Melayu. Dengan ini, masyarakat akan lebih memahami maksud bagi lirik-lirik tersebut dan dapat memberikan makna mengenai pelestarian dan juga penghormatan terhadap bahasa sebagai bukti bahawa ianya merupakan identiti budaya. Selain itu, ia juga dapat memperlanjatkan penggunaan sastera Melayu dengan memperkaya kosa kata, struktur ayat dan juga gaya penulisan yang khas. Implikasinya adalah ianya penting untuk dijaga dan menghargai aspek bahasa dan sastera dalam lirik lagu sebagai bahagian yang terpisah dari kekayaan budaya Melayu.

5.2.4 Pengenalan Kepada Generasi Muda

Selain itu, lirik lagu juga merupakan platform yang menjadi kepada pengenalan generasi muda. Secara tidak langsung, lagu yang dihasilkan dapat membantu generasi muda untuk memahami dan mempelajari mengenai penggunaan bahasa Melayu tradisional di dalam bait kata lirik lagu. Dengan menjadikannya sebagai suatu pengenalan maka generasi muda akan dapat mengenali nilai-nilai tradisional, cerita dan juga keindahan budaya Melayu. Hal ini dapat mendorong mereka untuk menghargai warisan melalui keindahan lirik lagu Melayu tradisional.

5.2.5 Memahami Konteks Emosional

Penghasilan lirik lagu yang menggunakan Melayu tradisional ini dapat menciptakan hubungan emosional yang kuat dengan pendengar melalui ekspresi perasaan dan juga pengalaman hidup. Dengan memahami konteks emosi, maka masyarakat akan dapat merasakan serta memahami setiap kata yang terkandung didalam lirik tersebut. Hal ini secara tidak langsung akan memberikan pengalaman mendengar yang indah kerana setiap bait kata dalam lirik lagu akan menyampaikan suatu perasaan kegembiraan atau rasa angan-angan pendengar terhadap lagu yang dimainkan. Implikasinya, ia akan menciptakan suatu perasaan yang mendalam antara pendengar dan karya seni dengan meningkatkan pengetahuan mengenai makna dan juga penggunaan bahasa yang ada dalam lirik lagu tersebut.

5.3 Cadangan

Berdasarkan analisis dan kajian yang dilakukan dalam kajian ini, pengkaji berharap agar kajian yang dilakukan ini dapat menarik minat dan perhatian pengkaji lain untuk mengetengahkan mengenai isu yang dikaji. Penggunaan lirik lagu yang berkesan akan dapat memberikan peluang kepada penulis lirik untuk mencipta bait-bait kata yang indah melalui pengalaman dan perasaan mereka. Oleh sebab itu, beberapa cadangan yang bertepatan dan sesuai dapat membentuk modal generasi muda yang akan diberikan oleh pengkaji. Cadangan yang ingin dicadangkan oleh pengkaji adalah seperti berikut.

5.3.1 Memberi peluang kepada penerbit dan pengarah filem

Penerbit lagu merupakan individu yang akan bertanggungjawab dalam menerbitkan sesebuah penghasilan lagu. Oleh hal yang demikian, pengkaji mencadangkan agar lebih ramai lagi pengkaji lain untuk menghasilkan penghasilan lirik lagu yang berkesan dengan menggunakan bait-bait kata yang indah. Secara tidak langsung, ianya juga memberi peluang kepada penerbit dan juga pengarah filem dalam penggunaan lirik lagu yang akan menarik perhatian pendengar. Lirik lagu dapat memberikan pelbagai peluang kepada penerbitan filem. Hal ini dikatakan demikian kerana, setiap pembikinan filem akan menggunakan lagu-lagu yang akan menarik perhatian penonton bagi melihat hasil filem mereka. Penyampaian lirik lagu yang berkesan akan memberikan peluang kepada penerbit-penerbit muda yang baru melibatkan diri dalam industri seni untuk menghasilkan lagu mereka sendiri.

5.3.2 Penulisan lirik lagu dapat membentuk pemikiran masyarakat

Pemikiran masyarakat dilihat seiring dengan arus masa kini. Hal ini dikatakan demikian kerana, pemikiran masyarakat akan berubah pada bila-bila masa sahaja. Pengkaji perlulah memainkan peranan penting dalam mengubah cara pemikiran masyarakat agar lebih berilmu dan gemar dalam melakukan sesebuah kajian. Secara tidak langsung, kajian yang dilakukan akan dapat membantu para pengkaji lain untuk menambah ilmu serta pengetahuan yang lebih mendalam dan meluas lagi. Penulis juga dianggap sebagai individu yang memainkan peranan penting dalam melakukan penghasilan lirik lagu agar ianya dapat merubah minda masyarakat terutamanya bagi golongan muda. Lirik lagu yang dihasilkan juga seharusnya mempunyai kriteria yang tersendiri sebelum dipasarkan menjadi sebuah lagu.

Penghasilan lirik lagu juga perlulah mempunyai bait-bait kata yang mempunyai nilai dan pengajaran dalam hidup. Penggunaan lirik lagu yang berkesan akan memberikan impak yang besar kepada pendengar. Hal ini dikatakan demikian kerana, menurut Mohammad Haris Abd Aziz (2016), yang telah mengkaji pelbagai aspek pemilihan kata adjektif menerusi lagu patriotik serta elemen muzik yang menjadi latar kepada lagu tersebut. Kajian yang dilakukan itu telah menunjukkan bahawa ianya dapat memberikan tumpuan kepada setiap kekuatan kata yang terhasil untuk menyuntik semangat patriotik dalam kalangan masyarakat.

5.3.3 Penganjuran program kepada anak seni

Berdasarkan penghasilan lirik lagu, platform teks sastera telah dilihat sebagai sebuah cabang yang sesuai untuk membuktikan bahawa bidang kesusasteraan bukan hanya bergantung kepada penulisan malahan ianya juga meluas. Secara tidak langsung, ianya akan memberikan peluang kepada anak seni untuk terus meneroka mengenai bidang kesusasteraan. Penghasilan lirik lagu juga boleh dijual melalui cetakan dengan harga yang berpatutan. Perkara ini juga secara tidak langsung dapat mengelakkan daripada berlakunya kejadian cetak rompak mengenai penulisan lirik lagu dan menjadikan karya sastera sebagai edisi yang terhad dengan menghasilkan penghasilan yang lumayan.

Secara tidak langsung, pihak yang berwajib juga akan mengambil tanggungjawab dengan melakukan penganjuran program yang akan melibatkan semua golongan untuk menyertai. Hal ini dapat memberikan peluang kepada anak seni untuk mencipta hasil karya mereka dalam pembikinan lirik lagu. Ia juga dapat membukakan peluang kepada golongan muda yang ingin menceburi bidang nyanyian untuk menyanyikan lagu-lagu yang telah dicipta. Program ini juga turut boleh dijadikan sebagai program yang wajib di universiti di seluruh negara. Hal ini dikatakan demikian kerana, penulisan kreatif ini bukan sahaja memberikan penekanan kepada karya namun ianya juga dapat mengikis bakat mahasiswa melalui program-program yang diadakan.

5.4 Rumusan

Kesimpulannya, penggunaan lirik lagu merupakan sebuah hasil gabungan dari seni bahasa dan juga seni suara sebagai satu karya seni suara yang melibatkan tentang suara penyanyi dan juga alunan melodi. Menurut Moetiono (2007), lirik lagu merupakan suatu susunan kepada sesebuah nyanyian. Oleh itu, unsur keindahan bahasa dalam lirik lagu dapat mencakupi elemen-elemen yang membuatkan suatu penggunaan bahasa itu menjadi lebih indah dan juga memikat. Penggunaan bahasa yang digunakan dapat membangkitkan gambaran ataupun pengalaman dalam pikiran pendengar. Gambaran yang kuat akan dapat memberikan kekuatan visual pada lirik dan secara tidak langsung membuatnya menjadi lebih berkesan. Penggunaan metafora dan simbolik dalam penggunaan lirik lagu telah menjadikannya sebagai suatu simbol yang membawa makna lebih mendalam.

Justeru itu, pemilihan kata yang tepat dan kreatif akan dapat memperkayakan bahasa dalam penggunaan lirik lagu terutama lirik lagu Melayu tradisional. Secara tidak langsung, penghasilan lirik lagu ini juga dapat menonjolkan sifat duniawi yang menciptakan hubungan emosional kepada pendengar. Penggunaan makna yang tersirat dan tersurat juga dapat memberikan pendengar untuk berfikir mengenai bahasa kiasan yang digunakan dalam lirik lagu tersebut. Dengan ini, penghasilan lirik lagu dapat mencapai keindahan bahasa yang memberikan pengalaman mendengar secara

menyeluruh dan mendalam.

RUJUKAN

- Acep Deri, Cahyadi, & Koswara. (2016). *Kajian struktural, stilistika, dan etnopedagogi dalam kumpulan puisi (sajak) tahun 2000-an*. Lokabahasa, 5(1).
- Ali, Hartini Mohd, Normaliza Abd. Rahim. (2017). Perlambangan kata kerja dalam lirik lagu “Bebaskan” berdasarkan Teori Relevans. *Journal of Business and Social Development*,5(1), 102-111.
- Ali, Abdul. Halim. (2011). *Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional: Beauty Concept in Traditional Malay Literature*. *Pendeta*, 2, 99-117.
- Abd Azis, Mohammad Haris. (2016).Keunggulan dan Nilai lagu patriotik berdasarkan aspek pemilihan kata dalam lirik dan kesesuaian elemen muzik. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1),v1i1-554.
- Ambarul Mahasiswa. Setiawati, Dara Mela Ayu, Sinta Wulandari, & Vita Agustiawati Putri (2021). Analisis gaya bahasa dalam lirik lagu “Bertaut” Nadin Amizah: Kajian stilistika. *Jurnal Penelitian Humaniora*, 26(1), 26-37.
- Arbaie Sujud. 1999. *Estetika dalam lirik lagu-lagu nyanyian P.Ramlee*. Tesis Master Sastera, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Asiah Sarji, Faridah Ibrahim & Mazni Buyung. (1996). *Pola pengamalan profesionalisme dalam industri filem Malaysia*. FINAS.
- Braginsky. Vladimir I(1994) *Erti keindahan dalam kesusasteraan Melayu klasik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braginsky. Vladimir I. (2000) *Perpaduan etika dan estetik sastera di dalam Hikayat Melayu zaman Islam :Teori Sastera*
- Daud, Masitah Mad, Zulkifley Hamid Sudirman, Nik Zulaiha Zakaria. (2017). “Perenggu minda Melayu dalam lirik lagu: Satu analisis makna. E-Bangi: *Journal of Social Sciences and Humanities*.”
- Fika. Tresnawati, (2023). Diksi dan majas dalam kumpulan puisi tentang perjuangan karya Taufik Ismail: Kajian stilistik,. Pustaka: *Jurnal bahasa dan pendidikan*, 3(1), 01-05.
- Fauziah. Hassan, & Sofia Hayati Yusoff (2019). Membangunkan tema filem berunsur Islam melalui filem Bisik Pada Langit. Al-Abqari: *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*.
- Fauzi, Nurulwahidah, Yaacob, Siti Nor Baya Yaacob., Syaimak Ismail & Nasaruddin Yunus. (2015). *Konsep dan perspektif cinta hakiki: Empat pendekatan cinta dalam mursyid Al-Syabab oleh Bediuzzaman Said Nursi dan Al-Ghazali di dalam Ihya Ulumuddin*. Kertas kerja, Persidangan Antarabangsa Memperkasakan Tamadun Islam pada abad ke-21, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia.
- Farid M.Onn. 1981. Keindahan bahasa dalam sastera: Suatu penilaian bentuk kata. *Jurnal pembinaan dan pengembangan bahasa* 25(2): 21-38.

- Fatin Rabiha , Kadir, & Hamzah, Zaitul Azma Zainon. (2017). Ujaran implisit dalam filem Melayu klasik Sri Mersing. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*.
- Hadi, Abd. (2016). Strategi terjemahan makna dalam sari kata filem 'Puteri Gunung Ledang'/Taz'irah Nailah Abd. Hadi.
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). Pengantar estetik. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hariyati, Asih. (2011). *Kajian psikologi keperibadian dalam novel Cinta Setengah Hati karya Yunita Tri Damayanti*.
- Hanapi, Mazarul Hassan Mohamad, Abdul Halim Ali, & Mohd Rosli Saludin (2016). Simbol dalam mantera menurut kepercayaan orang Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 4(1), 25-40.
- Hidayat, Rahmat. (2014). Analisis semiotika makna motivasi pada lirik lagu“Laskar Pelangi” karya Nidji. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(1), 243-258.
- Hidayah Shafiee, Ahmad Fahmi Mahamood, Abdul Rahman Manaf, Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakon, Abdul Jalil Ramli, Zuraidi Ahmad Mokhdzar, Jamsari Jamaluddin, Maskor Bajuri & Mohd Erpi Mohd Ali. (2019). Pengaruh bahasa rojak di media baharu terhadap bahasa kebangsaan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 4 (15), 141-153.
- Hijjas, Mulaika. (2010). ‘The legend you thought you knew’: text and screen representations of Puteri Gunung Ledang. *South East Asia Research*, 18(2), 245270.
- Ibrahim, Abdul Ghafar, & Mohd Saipuddin Bin Suliman. Penerapan teori stilistik dan teksdealisme bagi menganalisis puisi Tri-V.
- Izzat Sharin. Ismail,(2013). Keberkesanan kesan visual khas mewujudkan elemen seram di dalam Filem Karak (2011) (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi MARA (Kampus Puncak Perdana)).
- Junus, Umar. (1989). *Stilistik: Satu pengantar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kembaren, Mardiah Mawar, & Nasution, Arie Azharie (2018). Dari tragedi berbuah kearifan dan moralitas masyarakat Melayu dalam legenda nama tempat di Sumatera Utara. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 6(1), 118134.
- Koenjaningrrat (1977), *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Penerbit PT Garamedia.
- Lutfi Rahmatullah, (2017). Pengaruh keindahan bahasa Al-Quran terhadap perkembangan sastera dalam dunia Islam. *Qaf: Jurnal Ilmu Al-Qur'an dan Tafsir*, 2(1), 119-140.
- Lyons, John. (1994). Bahasa dan linguistik: Suatu pengenalan. Terjemahan Ramli Salleh & Toh Kim Hoi. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Al-Khawarizme Mohamed. Zawawi, (2021). *Kajian kritikan sosial di dalam filem “Man Laksa”* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).

- Mohd Khairul, Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2019). Analisis stilistik melalui penggunaan bahasa dalam novel sastera indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 106-121.
- Mohd Helmi. Yusoh, & Jamaluddin Aziz (2018). Pemerksaan watak wanita dalam filem berunsurkan Islam: Kajian kes" Ketika Cinta Bertasbih". *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).
- Muhammad Naim. Sakeri,(2021). *Kajian mengenai teknik Ppencahayaan dalam filem Munafik mempengaruhi emosi penonton* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan).
- Mohd Kassim Ismail. (2004). *Sastera rakyat suatu warisan, siri kajian sastera Fajar Bakti*. Penerbitan Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Mohd Shukran Ab Majid. (2006). *Pemikiran dalam konsensus Adat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nichols, Bill. (2010). *Engaging Cinema: An introduction to film studies*. New York: W. W.Norton & Company.
- Nik Safiah Karim. (1994). Bahasa dalam lagu. *Pelita Bahasa*. April: 28-29.
- Normaliza Abd Rahim. (2014). Perception on the Animal Fable ‘Bird of Paradise’ Song. *Asian Social Science Journal*, October, 10 (19):17-23.
- Noor Aida Mahmor, Faizah Ahmad & Nasariah Mansor. (2014). Kerancuan bahasa: cabaran dalam pendidikan negara dan pembinaan negara bangsa. *Prosiding seminar ketahanan nasional 2014*, hlm. 1-20. 23 Disember 2014.
- Noor, Roomai S. (1961). *Puteri Gunung Ledang*.
- Nor’aini Tahir, Roszikin Zakaria & Zainab Zakaria. (2007). *Perkembangan kognitif & pembelajaran kanak-kanak*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. 2000. Pendekatan estetika atau keindahan bahasa dalam kritikan sastera melayu. *Dewan Sastera*.
- Philips, John Arul (1999). *Pengajaran kemahiran berfikir: Teori dan amalan*. Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Rasit, Azizah Misrom dan Islam , Fakulti Pengajian Islam (2016). Analisis elemen patuh

- syariah dalam filem Nur Kasih The Movie (2011) berdasarkan teori filem Ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi Malaysian: Journal of Communication Malaysian*, 32(1), 580-602.
- Ramlee, & Arba'ie Bin, Sujud. Nyanyian P. Ramlee: Estetika dalam lirik- lirik lagu.
- Rogayah Abd.Hamid & Jumaah Ilias. 2006. *Pandangan semesta Melayu: Pantun*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saddi, Faezahnor, Zairul Anuar Md Dawam & Fazmi Hisham. (2022). Ciri dan fungsi lagu dalam membentuk struktur plot filem muzikal Magika (2010): Characteristics And functions of songs in forming the plot structure of the musical film Magika (2010). *Jurnal Gendang Alam (GA)*, 12(1), 61-70.
- Sidek Mohd Noah (2000), *Reka bentuk penyelidikan, Falsafah teori dan praktis*, Universiti Putra Malaysia.
- Suwardi Mohammad, Samin. (1991). *Budaya Melayu dalam perjalanannya menuju masa depan*. Yayasan Penerbit MSI.
- Soh, Nur Amirah Che & Che Ibrahim Salleh (2014). Keindahan bahasa dalam lirik lagu P. Ramlee. *Iman*, 103.
- Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa fenomenologi: Penerapannya terhadap karya Abdul Samad Said*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Nur Aisyah Aqilah, Esa, (2020). *Kajian semangat nasionalisme dalam filem Ola Bola (2016)* (Doctoral dissertation, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Tahir, Nor Izwani (2007) *Adaptasi filem ke teater: Kajian ke atas perbandingan plot dan gaya lakonan dalam filem Puteri Gunung Ledang dan teater Muzikal Puteri Gunung Ledang*.
- Wulandari, Ratih Amalia, Edi Suyanto., & Muhammad Fuad. (2015). Majas dalam kumpulan puisi dan pembelajarannya di SMA. *Jurnal kata (Bahasa, Sastera, dan Pembelajarannya)*, 4(1).
- Yusoff, Darwalis Binti Sazan, Mohd Najib bin Abdul Rahim, & Noriah Binti Mohamed. (2020). Analisis stilistik dalam teks Melayu Hikayat Abdullah. *Jurnal Melayu*, 19(1), 54-74.
- Zakiah Hanum. 1984. *Senandung seniman agung*. Berita Publishing Sdn. Bhd.